



**DR 15 TAHUN 2022
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS
PENGKAL KELIMA**



LAPORAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS

**JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAL EHWAL WANITA DAN
KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN SOSIAL**

**LAPORAN LAWATAN KERJA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAL
EHWAL WANITA DAN KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN
SOSIAL KE LONDON, UNITED KINGDOM PADA 23 – 26 MEI 2022**

KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
• Kandungan	i – ii
• Lampiran	iii
<u>BAHAGIAN I</u>	
<i>Pengenalan</i>	
• Latar Belakang	1 – 2
• Objektif	2
<u>BAHAGIAN II</u>	
<i>Laporan Program</i>	
i. Lawatan ke <i>House of Lords</i> dan <i>House of Commons</i> , Parlimen United Kingdom	3 – 4
ii. Lawatan ke <i>National Crime Agency's Headquarters</i> , <i>Internet Watch Foundation</i> dan <i>We Protect Alliance</i>	5
iii. Lawatan ke <i>Office of National Statistics & Inclusive Data Taskforce</i>	6 – 7
iv. Lawatan ke <i>Victim Support</i> United Kingdom	7 – 8
v. Sesi Jaringan Sosial dan Minum Petang	9
vi. Perbincangan Meja Bulat Mengenai Mangsa Kanak- kanak dan Saksi Dalam Sistem Keadilan	10 – 12
vii. Lawatan ke <i>Old Bailey</i> dan Mesyuarat Bersama Perkhidmatan Pendakwaan, Polis Metropolitan London dan Majlis Keadilan Orang Muda	13 – 14
viii. Lawatan ke <i>The Lighthouse</i>	14 – 17
ix. Majlis Penutup	18

<u>BAHAGIAN III</u>	
<i>PEMERHATIAN DAN SYOR JAWATANKUASA</i>	
Pemerhatian dan Syor Jawatankuasa	19
Cadangan Penambahbaikan (Pelan Hala Tuju untuk Mengukuhkan Sokongan untuk Mangsa dan Saksi Kanak-Kanak dalam Sistem Keadilan Jenayah: 2022-2027)	20 – 40
<u>BAHAGIAN IV</u>	
<i>RUMUSAN JAWATANKUASA</i>	
Rumusan Jawatankuasa	41

LAMPIRAN

- Lampiran A: Senarai Delegasi
- Lampiran B: Jadual Program
- Lampiran C: Laporan Ringkas Bahagian Keselamatan Kementerian Dalam Negeri
- Lampiran D: Laporan Ringkas Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia
- Lampiran E: Laporan Ringkas Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Jabatan Kebajikan Masyarakat
- Lampiran F: Laporan Ringkas Pejabat Pesuruhjaya (OCC) Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
- Lampiran G: Laporan Ringkas Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia
- Lampiran H: Laporan Ringkas Hakim Mahkamah Sesyen, Kota Kinabalu
- Lampiran I: Laporan Ringkas Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri
- Lampiran J: Laporan Ringkas Ahli Parlimen Segambut
- Lampiran K: Laporan Badan Bukan Kerajaan, *Child Rights Innovation and Betterment (CRIB)*
- Lampiran L: *Roadmap for Strengthening Support for Child Victims and Witnesses in the Criminal Justice System: 2022-2027*
- Lampiran M: *INTER PARES Partnership with the House of Representatives of Malaysia (Dewan Rakyat), Study Visit to the Italian Chamber of Deputies: Outcome Report and Proposed Actions*

BAHAGIAN I

PENGENALAN

Latar Belakang

Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Hal Ehwal Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial disertai oleh beberapa agensi seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Mahkamah, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), *United Nations Children's Fund* (UNICEF) dan *Child Rights Innovation and Betterment* (CRIB) telah mengadakan lawatan kerja ke London, United Kingdom pada 23 hingga 26 Mei 2022. Laporan oleh delegasi yang menyertai lawatan ini adalah dilampirkan. Senarai delegasi seperti di Lampiran A.

United Kingdom dipilih sebagai lokasi lawatan kerja kerana prosedur kerja yang dilakukan dalam usaha melindungi dan membantu kanak-kanak yang berdepan dengan konflik undang-undang adalah sangat holistik dan signifikan. United Kingdom telah melakukan usaha sama dengan beberapa agensi seperti *National Crime Agency* (NCA), *Child Exploitation and Protection Centre* (CEOP) dan lain-lain agensi kerajaan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari dalam atau luar negara untuk membela dan memberi perlindungan kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan seksual. Usaha sama ini bukan sahaja memberi manfaat kepada kanak-kanak di United Kingdom, malahan juga kanak-kanak dari negara luar. Di samping itu, penggubalan Akta Keadilan Belia dan Keterangan Jenayah 1999 (*The Youth Justice and Criminal Evidence Act 1999 – YJCEA*) memberi impak positif kepada saksi kanak-kanak yang memberi keterangan dalam prosiding jenayah. Pelaksanaan Akta ini berjaya meminimalkan perasaan trauma dalam kalangan kanak-kanak yang sedang menjalani proses perbicaraan di mahkamah. Di samping itu, United Kingdom juga mempunyai amalan terbaik dalam mengendalikan kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah berulang melalui intervensi berteraskan masyarakat serta program kekeluargaan.

Selaras dengan usaha Malaysia untuk melakukan reformasi terhadap sistem keadilan kanak-kanak, lawatan kerja ini membuka ruang kepada delegasi untuk meneroka kewajaran penambahbaikan dilakukan terhadap sistem perundangan sedia ada. Perkongsian dan pembelajaran yang diperolehi melalui lawatan kerja ini diharapkan dapat menyumbang kepada percambahan idea bagi memperkasa reformasi yang dilakukan Malaysia terhadap sistem keadilan jenayah kanak-kanak. Terutamanya dalam menyantuni mangsa atau saksi kanak-kanak yang terlibat dengan kes penderaan. Reformasi yang dilakukan diharapkan dapat membantu mangsa atau saksi kanak-kanak daripada mengalami trauma berpanjangan akibat terpaksa melalui proses perbicaraan yang berpanjangan, berulang-ulang dan sistem kehakiman yang bersifat tidak mesra kanak-kanak.

Objektif

Lawatan ini menyasarkan untuk memberi pendedahan kepada delegasi berkaitan peranan semak dan imbang yang dimainkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas di Parlimen United Kingdom. Inisiatif ini adalah selaras dengan usaha Parlimen Malaysia untuk melakukan penambahbaikan terhadap fungsi dan peranan Jawatankuasa Pilihan Khas di Parlimen Malaysia. Selain itu, lawatan kerja ini juga bertujuan meneliti sistem sokongan yang ditubuhkan oleh United Kingdom dalam memastikan mangsa kanak-kanak yang berdepan dengan kes penderaan mendapat pembelaan yang sewajarnya. Pada masa yang sama, lawatan ini juga bertujuan memberi pemahaman kepada delegasi berkaitan praktis dan amalan yang dilakukan oleh United Kingdom dalam menyelaraskan hubungan di antara agensi, menambah baik sistem perundangan, dan menggubal polisi agar dapat memberi lebih perlindungan kepada kanak-kanak. Melalui lawatan ini juga, delegasi diharapkan dapat meneroka pelbagai mekanisma dan inisiatif yang diwujudkan oleh United Kingdom untuk memberi perlindungan secara holistik kepada mangsa atau saksi.

BAHAGIAN II

LAPORAN PROGRAM

Di sepanjang lawatan ini, delegasi telah mengadakan mesyuarat dan lawatan ke Parlimen United Kingdom, *National Crime Agency*, *Internet Watch Foundation*, *We Protect Alliance*, *Victim Support United Kingdom*, *Old Bailey Central Criminal Courts*, *The Lighthouse* (Rumah Kanak-kanak), *Barristers*, *Crown Prosecution Services*, Polis Metropolitan London dan *Youth Justice Board*. Senarai penuh program seperti di Lampiran B. Pemerhatian utama daripada lawatan kerja yang dilakukan adalah seperti berikut:

i. Lawatan ke *House of Lords* dan *House of Commons*, Parlimen United Kingdom.

Delegasi diberi penerangan berkaitan peranan JPKK dalam sistem Westminster. Antaranya membincangkan keberkesanan JPKK memainkan peranan semak dan imbang terhadap eksekutif. Penerangan juga menyentuh aspek budaya dan bagaimana untuk mendapatkan sokongan merentasi parti secara sebulat suara terhadap syor yang dibentangkan oleh Jawatankuasa.

Pada sesi pembentangan oleh CPA, delegasi diberi pendedahan berkaitan bagaimana untuk mengekalkan momentum keberkesanan Jawatankuasa dalam keadaan kecelaruan politik. Dalam sesi ini, delegasi diberi penerangan berkaitan kepentingan *standing orders* dan mekanisma semak imbang yang lain dalam memastikan Jawatankuasa dapat terus mapan dan berdaya tahan.

Pertemuan secara bersemuka bersama YB. Tim Loughton (Ahli Parlimen), Mark Earl (*Committee Operations Manager responsible for safeguarding and witness support*), dan Elektra Garvie Adams (*Second Clerk of the Home Affairs Committee*) telah memberi perkongsian yang sangat signifikan berkaitan pengalaman melakukan libat urus dengan pelbagai peringkat saksi. Dalam pertemuan ini, delegasi telah diberi pendedahan berkaitan proses dan prosedur sesi libat urus bersama golongan rentan, saksi kanak-kanak dan masyarakat awam. Terutamanya dalam mendapatkan maklum balas daripada mangsa atau saksi, supaya maklumat dapat diterjemah sebagai bukti untuk menyokong syor dan rumusan dikemukakan oleh Jawatankuasa.



Sesi perbincangan bersama YB. Tim Loughton, *House of Commons*, Mark Earl, *Committee Operations Manager* dan Elektra Garvie Adams, *Second Clerk, Home Affairs Committee* pada 23 Mei 2022.



Lawatan ke *Westminster Hall*, Parlimen United Kingdom pada 23 Mei 2022

ii. Lawatan ke *National Crime Agency's Headquarters, Internet Watch Foundation* dan *We Protect Alliance*

Pada hari kedua, delegasi dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu Kumpulan A1 dan A2. Oleh kerana organisasi yang dilawati telah menghadkan jumlah pelawat, hanya sepuluh delegasi dipilih untuk menyertai setiap kumpulan. Delegasi dipilih berdasarkan bidang kepakaran dan agensi yang diwakili mereka. Laporan berkaitan lawatan ke *National Crime Agency's Headquarters, Internet Watch Foundation* dan *We Protect Alliance* tidak dapat disertakan kerana Setiausaha Delegasi menyertai Kumpulan A2.



Delegasi yang menyertai lawatan ke *National Crime Agency's Headquarters, Internet Watch Foundation* dan *We Protect Alliance* di Citadel Place, Tinworth Street London pada 24 Mei 2022.

iii. Lawatan ke Office of National Statistics & Inclusive Data Taskforce

Delegasi telah diberi penerangan berkaitan bidang tugas yang dilakukan oleh *Office of National Statistics (ONS) & Inclusive Data Taskforce*. ONS adalah pengeluar data statistik terbesar di United Kingdom. Antaranya, ONS telah mengeluarkan data dan statistik berkaitan kanak-kanak rentan yang meliputi perkara seperti kebajikan sosial, kemurungan dan kesepian yang dihadapi mereka.

Sebagai sebuah organisasi yang bersifat *independence*, maklumat yang dihasilkan oleh ONS adalah bebas daripada pengaruh politik atau mana-mana pihak. Proses pengumpulan data oleh ONS disokong oleh akta yang menetapkan setiap maklumat yang diminta mesti dikeluarkan oleh mana-mana pihak. Namun demikian, hasil pengumpulan dan penganalisaan data hanya disalurkan ke sekitar England dan tidak meliputi kawasan lain di United Kingdom. Hasil kajian yang dikeluarkan oleh ONS menjadi asas kepada proses penambahbaikan dan penggubalan polisi yang ingin dilaksanakan oleh mana-mana jabatan atau agensi. Lawatan ke ONS hanya disertai oleh delegasi yang menyertai Kumpulan A2.



Delegasi diberi penerangan berkaitan proses kerja *Office of National Statistics & Inclusive Data Taskforce* pada 24 Mei 2022



Penyampaian cenderamata dari Parlimen Malaysia kepada *Office of National Statistics & Inclusive Data Taskforce* oleh YB. Ahmad Tarmizi Sulaiman, Ahli Parlimen Sik pada 24 Mei 2022.

iv. Lawatan ke *Victim Support United Kingdom*

Victim Support (VS) ialah sebuah badan amal yang bersifat *independence*. VS ditubuhkan bertujuan memberi khidmat sokongan secara percuma kepada mangsa jenayah dan trauma di England dan Wales. VS menyediakan tenaga pakar untuk membantu memulihkan mangsa yang terkesan akibat penderaan agar dapat menjalani kehidupan seharian dengan baik. Selain kanak-kanak dan orang muda, VS juga membantu wanita yang terkesan dengan pelbagai perlakuan jenayah seperti penderaan rumah tangga, penderaan seksual, *hate crime*, kes bunuh, dan juga individu yang mengalami depresi dan insiden cubaan membunuh diri

Di samping itu, VS juga menyediakan perkhidmatan sokongan kepada saksi muda, bermula daripada sebelum proses perbicaraan dilakukan di mahkamah sehingga ke peringkat akhir. Malahan, VS juga terlibat dalam proses merangka draf *Victims Bill* yang kini dalam proses pengubalan. Lawatan ke VS disertai oleh kesemua delegasi kecuali Ahli Parlimen Lembah Pantai dan Ahli Parlimen Kuantan.



YB Dato' Sri Azalina Othman Said bersama Jeffrey DeMarco, Penolong Pengarah *Victim Support* dan petugas sokongan pada 24 Mei 2022



Delegasi yang menyertai sesi bersama *Victim Support* United Kingdom di Whitecross Studios, Barner Street London pada 24 Mei 2022.

v. Sesi Jaringan Sosial dan Minum Petang

JKPK Hal Ehwal Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial telah mengadakan majlis jaringan sosial dan minum petang di Marlborough Suite, Hyatt Regency London. Majlis yang dihadiri seramai lebih 50 orang jemputan ini diadakan bertujuan memperkasa hubungan antara delegasi dan para jemputan yang mewakili pelbagai agensi dan NGO berkaitan kanak-kanak. Antara tetamu undangan yang hadir ialah Pesuruhjaya Tinggi dan pegawai dari kedutaan Malaysia di United Kingdom, Eimear Timmons dan Dr. Laura Smith dari *The Lighthouse*, *Detective Constable* Elly Mitchell dan *Detective Constable* Arran Barnes dari Polis Metropolitan, Poppy Jafrato dan Louise Attrill dari *Central Criminal Court*, dan Naomi Barnard dari *Women Budget Group*. Penganjuran majlis minum petang ini berjaya memperkukuh hubungan jaringan sosial antara delegasi dan tetamu undangan yang hadir pada petang itu.



Sesi jaringan sosial dalam majlis minum petang di Marlborough Suite, Hyatt Regency pada 24 Mei 2022.

vi. **Perbincangan Meja Bulat Mengenai Mangsa Kanak-kanak dan Saksi Dalam Sistem Keadilan**

Sistem keadilan di England dan Wales memperuntukkan hak kepada pesalah kanak-kanak untuk mendapat *Special Measures*, tanpa mengira sama ada kanak-kanak tersebut adalah saksi, mangsa ataupun pesalah. Kesemua saksi yang berumur 18 tahun dan ke bawah semasa sesi pendengaran dan rakaman video dijalankan adalah berhak untuk mendapat *Special Measures*. Berbeda dengan sistem keadilan di England dan Wales, Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak Malaysia 2007 [Akta 676] memperuntukkan Mekanisma Khas (*Special Measures*) hanya kepada mangsa kanak-kanak dan kanak-kanak yang berumur di bawah 16 tahun. Namun begitu, Seksyen 2 Akta 676 mengecualikan kanak-kanak yang dituduh melakukan kesalahan daripada diberi *Special Measures*. Malaysia juga menetapkan agar keterangan yang diberi oleh saksi di bawah umur 16 tahun mendapat pengesahan terlebih dahulu.

Sementara itu, *The Youth Justice and Criminal Evidence Act* (YJCEA) 1999 memperuntukkan bantuan diberi kepada saksi kanak-kanak, termasuk juga saksi orang kurang upaya (OKU) ketika mereka memberi keterangan dalam proses perbicaraan di mahkamah. Seksyen 28 dalam Akta ini memperuntukkan agar rakaman video dibuat atas keterangan pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula sebagai bukti perbicaraan. Peruntukan yang bersifat mesra kanak-kanak ini membolehkan perbicaraan dijalankan tanpa kehadiran mangsa dan saksi di mahkamah. Akta ini bukan sahaja membantu saksi atau mangsa yang mengalami trauma atau gangguan mental untuk memberi keterangan dengan baik, malahan dapat memastikan hak mereka di sisi undang-undang mendapat pembelaan yang adil. YJCEA juga memperuntukkan penggunaan perantara saksi (*Intermediaries for Justice*) untuk membantu kanak-kanak atau orang dewasa yang mengalami masalah pembelajaran, kecacatan dan gangguan mental atau fizikal.



Pembentangan berkaitan sistem keadilan United Kingdom oleh YAA Patricia Lees, *Crown Court Judge* pada 24 Mei 2022.



Delegasi Malaysia bersama YAA. Patricia Lees, *Crown Court Judge* dan Allison Hunter QC pada mesyuarat meja bulat yang diadakan di Spencer Suite, Hyatt Regency London pada 24 Mei 2022.



Penyampaian cenderamata oleh YB. Dato' Sri Azalina Othman Said kepada YAA. Patricia Lees, *Crown Court Judge* pada 24 Mei 2022.



Perbincangan antara YB. Dato' Sri Azalina Othman Said, YB. Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil, YB. Hannah Yeoh, dan YB. Alice Lau Kiong Yieng pada 24 Mei 2022

vii. Lawatan ke Old Bailey dan Mesyuarat Bersama Perkhidmatan Pendakwaan, Polis Metropolitan London dan Majlis Keadilan Orang Muda

Delegasi telah dibawa ke Old Bailey, London untuk mendapat pendedahan berkaitan bidang tugas Polis Metropolitan London, Perkhidmatan Pendakwaan dan Majlis Keadilan Orang Muda. Secara tidak rasminya, Perkhidmatan Polis Metropolitan London juga dikenali sebagai *Met Police*, *The Met*, *Scotland Yard*, atau *Yard* yang telah beroperasi sejak tahun 1892 lagi. Polis Metropolitan bertanggungjawab untuk mengawal kejadian jenayah dan menguatkuasakan undang-undang di sekitar Greater London. Met Police adalah sebuah perkhidmatan polis yang terbesar di United Kingdom dan juga dunia. Bersesuaian dengan tanggungjawab yang digalas untuk mengekang peningkatan kadar jenayah yang berlaku di Greater London, Met Police mengguna pakai peruntukan yang termaktub dalam Seksyen 28 YJCEA 1999 dalam menyantuni kanak-kanak yang menjadi mangsa atau saksi perbuatan jenayah. Polis Metropolitan juga terikat dengan peruntukan yang ditetapkan melalui: i) *The young witness protocols*; ii) *The Victim's Code*, dan iii) *The 12 Rights*.



Pembentangan oleh Polis Metropolitan London kepada delegasi pada 25 Mei 2022



Lawatan ke Old Bailey Central Criminal Courts pada 25 Mei 2022

viii. Lawatan ke *The Lighthouse*

The Lighthouse menawarkan ruang yang selamat untuk kanak-kanak dan mangsa penderaan berlingkung atau mendapatkan rawatan agar dapat pulih dari trauma yang dialami mereka. Lighthouse memberi khidmat sokongan kepada kanak-kanak, orang muda, wanita dan keluarga yang memerlukan bantuan sokongan untuk memulakan kehidupan baru selepas mengalami penderaan. Di sini, mangsa diberi ruang dan peluang yang selesa untuk berkongsi pengalaman pahit mereka. Persekitaran yang kondusif yang ditawarkan oleh Lighthouse membuatkan mangsa berasa didengari dan selesa meluahkan segala masalah.

Selain bantuan khidmat nasihat, Lighthouse juga menyediakan khidmat guaman, doktor, jururawat, dan ahli psikologi yang ditawarkan secara percuma. Persekitaran yang bersifat mesra kanak-kanak atau mangsa, membuatkan pengumpulan bukti untuk dikemukakan kepada pihak mahkamah dapat dilakukan dengan efisien. Setiap mangsa disantuni secara profesional oleh petugas yang berkepakaran dalam bidang berkaitan kanak-kanak, kesihatan, penjagaan sosial, terapeutik dan jenayah.

Konsep ini meminimalkan jangka masa pengumpulan maklumat kerana mangsa tidak perlu pergi ke agensi yang berbeza untuk mendapatkan khidmat nasihat. Secara khususnya, Lighthouse berfungsi secara:

- Membenarkan kanak-kanak berkongsi pengalaman traumatik mengikut cara kanak-kanak;
- Memastikan kanak-kanak yakin bahawa mereka didengari;
- Menyediakan kursus *psychoeducation* kepada ibu bapa mangsa kanak-kanak;
- Mempunyai dua peranan unik, iaitu sebagai pegawai perhubungan penjagaan sosial dan pegawai perhubungan polis;
- Menyediakan sokongan emosi kepada mangsa kanak-kanak dan keluarga, dan
- Membantu menjayakan proses sistem keadilan jenayah yang terbaik.

Pada asasnya, Lighthouse menawarkan perkhidmatan yang hampir sama seperti *One Stop Crisis Centre* yang ditubuhkan di setiap hospital di seluruh Malaysia.



Lawatan JKPK Hal Ehwal Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial ke The Lighthouse pada 25 Mei 2022



Salah sebuah ruang kaunseling yang disediakan *The Lighthouse*



Penerangan oleh Eimear Timmons, Pengurus Perkhidmatan Interim, *The Lighthouse* pada 25 Mei 2022



Delegasi yang menyertai lawatan ke The Lighthouse pada 26 Mei 2022

ix. Majlis Penutup

Sebagai mengakhiri lawatan kerja yang dijalankan, satu majlis penutup telah dianjurkan di *Halia Restaurant* yang bertempat di Prince's Square, London pada 26 Mei 2022. Dalam majlis ini, YB Dato' Sri Azalina Othman Said, Pengerusi JKPK Hal Ehwal Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial telah menyampaikan penghargaan beliau kepada setiap delegasi yang menyertai lawatan kerja ini. Setiap delegasi diberi ruang untuk menyatakan pandangan dan pendapat mereka berkaitan pengetahuan dan pembelajaran yang diperolehi di sepanjang lawatan kerja ini.



Majlis Penutup yang diadakan di *Halia Restaurant* pada 26 Mei 2022

BAHAGIAN III

PEMERHATIAN DAN SYOR JAWATANKUASA

- i. Sistem jawatankuasa telah dipraktikkan oleh United Kingdom sejak tahun 1979 lagi, melalui *Standing Orders* 152 yang diperuntukkan oleh House of Commons. Oleh itu, JKPK di Parlimen United Kingdom berfungsi dengan efisien sebagai mekanisma semak dan imbang terhadap perkara yang diputuskan oleh kerajaan. Kemampuan JKPK United Kingdom untuk berfungsi dengan baik disokong kukuh oleh sistem sokongan yang disediakan Parlimen United Kingdom. Sistem sokongan ini meliputi kekuatan sumber manusia (tenaga pakar, staf sokongan, setiausaha) dan juga peruntukan kewangan yang mencukupi. Setiap JKPK diperuntukkan staf sokongan khas yang terdiri daripada setiausaha, pegawai penyelidik, media dan staf sokongan lainnya. Hal ini membolehkan setiap JKPK berfungsi dengan berkesan dan efisien.

- ii. Selain *The Lighthouse* dan *Victims Support*, terdapat pelbagai lagi NGO di United Kingdom yang giat memperjuangkan hak dan kebajikan kanak-kanak. Gerak kerja NGO ini mendapat sokongan penuh daripada ahli masyarakat dan aktivis kanak-kanak yang sentiasa bersedia untuk menyumbang tenaga dan masa dalam membantu kanak-kanak yang mengalami penderaan dan jenayah. Penubuhan *The Lighthouse* juga ditunjangi sokongan kuat oleh Pesuruhjaya Kanak-kanak England. Bagi mengangkat isu kanak-kanak, *The Lighthouse* banyak menerbitkan bahan siaran seperti di pautan berikut <https://m.youtube.com/watch?v=3i0Wu4feX7g&feature=youtu.be>

- iii. Pengendalian kes berkaitan kanak-kanak mendapat kerja sama holistik pelbagai agensi bertanggungjawab seperti mahkamah, institusi pendidikan, institusi keselamatan dan institusi keselamatan siber. Malah, United Kingdom menubuhkan *Child Exploitation and Online Protection Centre* (CEOP) untuk menangani perlakuan jenayah seksual dan eksploitasi kanak-kanak. CEOP bekerjasama erat dengan NGO di seluruh United Kingdom dan negara luar untuk mengenalpasti dan menyelaras aktiviti yang mengancam kanak-kanak.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Berdasarkan lawatan-lawatan delegasi seperti yang diperincikan dalam agenda lawatan sambal belajar (**Lampiran B**), Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial, Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan bahawa satu Pelan Hala Tuju (*Roadmap For Strenghtening Support for Child Victims and Witnesses in the Criminal Justice System: 2022-2027*) (**Lampiran L**), serta satu Laporan Hasil dan Cadangan Tindakan (*INTER PARES Partnership with the House of Representatives of Malaysia (Dewan Rakyat), Study visit to the Italian Chamber of Deputies: Outcome Report And Proposed Actions*) (**Lampiran M**) dibentangkan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Parlimen Keempat Belas (2022) dalam Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Merujuk kepada Pelan Hala Tuju tersebut, antara perkara-perkara yang disyorkan untuk diberi keutamaan adalah:


1. Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan supaya pengurusan (penyiasatan, temu bual, bukti forensik dan perbicaraan) kanak-kanak yang terlibat dengan kes jenayah seksual diperkasa. Usaha ini melibatkan latihan yang berterusan, sistematik dan berkala dilakukan secara bersepadu melibatkan kementerian dan agensi yang menguruskan kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah seksual dengan memberi perhatian kepada perkara yang berikut:
 - i. Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan untuk membangunkan *specialist certification course* yang berfokus mengendalikan kes jenayah seksual dalam kalangan kanak-kanak yang melibatkan perkara seperti penyiasatan, perbicaraan, perundangan, kaunseling dan apa-apa perkara yang berkaitan.
 - ii. Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan bahawa mandatori bagi pegawai D11, pasukan SCAN, pengamal undang-undang, Timbalan Pendakwa dan Pegawai Undang-Undang yang bertugas di Mahkamah Khas dan diiktiraf sebagai pakar kanak-kanak untuk menduduki kursus kelayakan terlebih dahulu.

- iii. Menambah jumlah Mahkamah Khas Jenayah Seksual Kanak-kanak, dengan dilengkapi perkakasan teknikal yang mencukupi, tenaga pakar (pembantu perundangan, pembantu pelindung, hakim yang secara khususnya pakar dalam mengendalikan kanak-kanak, dan lain-lain tenaga pakar).
 - iv. Melantik hakim Mahkamah Sesyen yang berkepakaran dan Timbalan Pendakwaraya (DPP) untuk mengendalikan kes jenayah seksual kanak-kanak di daerah yang tidak mempunyai Mahkamah Khas.
 - v. Menyemak dan mengkaji semula polisi berkaitan pertukaran dan kenaikan pangkat pegawai kehakiman, DPP dan pegawai D11 untuk memastikan agar pegawai yang berkepakaran dalam mengendalikan kes kanak-kanak dikekalkan bagi tempoh masa tertentu, dan digantikan dengan pegawai yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang sama.
 - vi. Melakukan advokasi bersama Majlis Peguam Malaysia bagi menjalani *Continuing Legal Education* (CLE) untuk mempelajari pendekatan yang lebih efektif dan beretika dalam menyantuni mangsa/saksi.
2. Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan penambahbaikan dibuat terhadap proses pengendalian kanak-kanak yang terlibat dengan kes jenayah seksual melalui:
- i. Menambah kapasiti kumpulan D11 ke setiap zon untuk memperluas capaian perkhidmatan.
 - ii. Mengaudit dan menambah baik perkakasan rakaman video dan penyiasatan digital D11 untuk memastikan setiap kenyataan yang dibuat oleh mangsa dapat dirakam dengan baik dan berkualiti bagi membolehkan bukti disimpan dan disampaikan dengan betul ketika proses perbicaraan berjalan.

- iii. Memastikan agar kenyataan yang dibuat oleh mangsa direkod oleh tenaga pakar dari kumpulan D11 sahaja, iaitu anggota yang benar-benar berkepakaran dan berkelayakan untuk menemubual kanak-kanak.
 - iv. Menambah baik koordinasi antara D11, JKM, Jabatan Kesihatan dan lain-lain tenaga pakar dalam bidang kaunseling/psikologi kanak-kanak yang dapat memberi sokongan moral dan meminimakan perasaan trauma serta tekanan yang dihadapi mangsa ketika dalam proses soal siasat.
 - v. Memperluas dan memperkasa kolaborasi dengan pengamal undang-undang antarabangsa (di *National Crime Agency (NCA)* United Kingdom, *Federal Bureau of Investigation (FBI)* di Amerika Syarikat) untuk berkongsi kepakaran dan inteligensia dalam menangani ancaman dan trend terkini yang melibatkan perbuatan eksploitasi dan penderaan seksual secara dalam talian.
3. Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan agar kanak-kanak mendapat akses kepada sistem sokongan yang ada di sepanjang tempoh perbicaraan berjalan. Sistem sokongan sedia ada perlu ditambah baik melalui perkara yang berikut:
- i. Menubuhkan kumpulan kerja antara agensi yang melibatkan (KPWKM, JKM, D11, Hakim, AGC, Majlis Peguam, Pesuruhjaya Kanak-kanak, NGO dan lain-lain agensi yang berkaitan) untuk mengkaji semula model sistem sokongan bagi mangsa/saksi yang diguna pakai oleh negara luar bagi membentuk sebuah model yang boleh diguna pakai di negara ini.
 - ii. Memperkenalkan satu model baru yang lebih komprehensif dalam aspek pengurusan dan penyampaian Perkhidmatan Sokongan Saksi yang melibatkan kanak-kanak dan golongan rentan. Setiap mahkamah hendaklah mempunyai bilik Perkhidmatan Sokongan Saksi.
 - iii. Mendapatkan peruntukan kewangan daripada syarikat korporat melalui dana Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

- iv. Mengemukakan cadangan untuk memilih, melatih dan mengakreditasi individu yang bersesuaian dan berkelayakan sebagai *Registered Witness Intermediaries* bagi membantu saksi kanak-kanak memberi keterangan kepada pihak polis, peguam dan di mahkamah.
4. Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan agar proses perbicaraan yang dijalankan hendaklah dilakukan tanpa memberi penekanan ke atas kanak-kanak dan dibuat dalam suasana yang menggalakkan kanak-kanak untuk memberi keterangan dengan berkesan. Jawatankuasa mengesyorkan untuk memberi perhatian kepada perkara yang berikut:
 - i. Mengemukakan *Practice Direction* berkaitan pengurusan dan perbicaraan kes jenayah seksual kanak-kanak, termasuklah amalan pengurusan kes dan persidangan pra-bicara, agar kes berkaitan kanak-kanak diberi keutamaan dan dapat diselesaikan dalam tempoh yang segera. Hal ini termasuklah menyelaraskan amalan pemakaian persidangan pra-bicara sebagai panduan untuk mengenalpasti bagaimana kanak-kanak akan memberi keterangan.
 - ii. Memastikan lebih banyak Mahkamah dilengkapi perkakasan yang membolehkan kanak-kanak memberi keterangan dari luar mahkamah dengan menggunakan pautan audio-video.
5. Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan agar koordinasi dan pengurusan maklumat antara agensi kerajaan diperkukuh dengan memberi perhatian kepada perkara yang berikut:
 - i. Mengkaji dan memperbaharui SOP bagi *Cases Involving Sexual Offences against Children (2017)* bersesuaian dengan konteks semasa.
 - ii. Membangunkan program latihan yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan untuk menambah baik koordinasi dan memastikan bentuk sokongan yang diberi kepada mangsa dilakukan secara selaras dan konsisten.

- iii. Membentuk kumpulan kerja untuk mengkaji Model Barnabus/*Lighthouse* dan mencadangkan agar model ini diguna pakai di Malaysia.
- iv. Memperkasa usaha pengumpulan dan perkongsian maklumat berkaitan mangsa/saksi kanak-kanak dalam sistem perundangan dan menambah baik usaha untuk menganalisa data/statistik bagi membolehkan tindakan susulan dilakukan.
- v. Menetapkan key performance index (KPI) bagi Mahkamah, DPP dan PDRM dalam memantau kes-kes yang sedang menjalani proses perbicaraan di mahkamah bagi mengelakkan berlakunya kelewatan dalam menyelesaikan mana-mana kes.
- vi. Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan agar kerangka perundangan berkaitan mangsa/saksi kanak-kanak dikaji semula dan diperkasa untuk memberi lebih perlindungan kepada kanak-kanak melalui sistem perundangan.
- vii. Jawatankuasa bersetuju memasukkan Pelan Hala Tuju Untuk Mengukuhkan Sokongan Bagi Mangsa dan Saksi Kanak-kanak dalam Sistem keadilan Jenayah: 2022 – 2027 sebagai sebahagian daripada penyata Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial seperti yang berikut:



PELAN HALA TUJU UNTUK
MENGUKUHKAN SOKONGAN
UNTUK MANGSA DAN SAKSI
KANAK-KANAK DALAM
SISTEM KEADILAN JENAYAH:
2022-2027

Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal
Wanita dan Kanak-Kanak dan
Pembangunan Sosial



SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Definisi
Akta 26	Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26]
Akta 611	Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611]
Akta 676	Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 [Akta 676]
Akta 792	Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792]
CSEA	<i>Child Sexual Exploitation and Abuse</i>
CSO	<i>Civil Society Organisation</i>
CSR	<i>Corporate Social Responsibility</i>
D11	Bahagian Siasatan Seksual, Penderaan dan Kanak-kanak (D11), Jabatan Siasatan Jenayah Polis Diraja Malaysia (PDRM)
FBI	<i>Federal Bureau of Investigation, United States Department of Justice</i>
JBG	Jabatan Bantuan Guaman, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU),
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat,
JPN	Jabatan Peguam Negara
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
MAMPU	<i>The Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit, Jabatan Perdana Menteri</i>
MAPO	Majlis Antipemerdagangan Orang dan Anti-penyeludupan Migran
NCA	<i>National Crime Agency, United Kingdom</i>
NGOs	<i>Non-Governmental Organisations</i>
OCC	<i>Office of the Children's Commissioner, Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM)</i>
OSCC	Pusat Krisis Bersepadu, Kementerian Kesihatan Malaysia
PDRM	Polis Diraja Malaysia
SCAN Team	Pasukan Penderaan dan Pengabaian Kanak-kanak Yang Disyaki, Kementerian Kesihatan Malaysia
VAS	<i>Victim Assistance Service</i>
WSS	<i>Witness Support Service</i>
WSSP	<i>Witness Support Service Programme, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat</i>

PENGENALAN

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kerajaan Malaysia telah mencapai kemajuan yang ketara dalam mengukuhkan perlindungan kanak-kanak daripada semua bentuk keganasan seksual dan menangani ancaman yang timbul terhadap kanak-kanak dalam persekitaran dalam talian:

- Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792] telah meningkatkan perlindungan undang-undang kanak-kanak daripada semua bentuk keganasan seksual dan penderaan dalam talian dengan ketara;
- Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 [Akta 676] memperuntukkan langkah khas untuk membantu kanak-kanak di bawah umur 16 tahun memberikan keterangan di mahkamah, termasuk menggunakan rakaman video saksi kanak-kanak sebagai keterangan pemeriksaan utama, keterangan melalui pautan langsung, skrin, pendamping guaman, dan penggunaan perantara;
- Prosedur Operasi Standard Khas Antara Agensi bagi Kes Melibatkan Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak di Malaysia telah diperkenalkan pada 2017;
- mangsa kanak-kanak menerima intervensi khusus daripada pasukan Pasukan Penderaan dan Pengabaian Kanak-kanak Yang Disyaki (SCAN) berasaskan hospital dan Pusat Krisis Seheni Bersepadu (OSCC), Polis Diraja Malaysia (PDRM) D11 (Siasatan Seksual, Keganasan Rumah Tangga dan Penderaan Kanak-kanak) dan Pusat Temuduga Kanak-Kanak, dan Mahkamah Khas Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak di Putrajaya dan Kuching; dan
- sokongan tersedia untuk kanak-kanak dan keluarga mereka sepanjang proses keadilan jenayah daripada Program Perkhidmatan Sokongan Saksi (WSSP) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pakar Bantuan Mangsa MAPO (untuk mangsa pemerdagangan), dan pendamping guaman.

Walau bagaimanapun, beberapa jurang dan cabaran utama yang menghalang pelaksanaan inisiatif-inisiatif secara penuh dan berkesan telah dikenal pasti:

- kekurangan latihan yang mendalam dan seragam untuk semua yang terlibat dalam mengendalikan mangsa kanak-kanak;
- kakitangan yang kerap dan penggiliran pakar terlatih, sebagai contoh penyiasat D11, pakar SCAN (termasuk pakar perubatan khusus) menyukarkan pengekalan kepakaran yang diperlukan untuk menguruskan kes kanak-kanak dengan berkesan;
- pilihan untuk menggunakan rakaman video saksi kanak-kanak sebagai keterangan di mahkamah kadangkala tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan peralatan rakaman video di balai polis (terutamanya di daerah yang lebih kecil), kualiti rakaman video yang rendah, atau kekurangan latihan pakar untuk polis yang memberikan keterangan yang diambil dalam rakaman tidak boleh diterima oleh mahkamah;

- D11 tidak mempunyai teknologi terkini, peralatan dan kemahiran teknikal yang penting untuk pengumpulan bukti digital yang berkesan dan seiring dengan inovasi teknologi dan trend jenayah yang berkaitan dengan penderaan dalam talian terhadap kanak-kanak;
- kekurangan penyelarasan antara agensi yang berkesan menyebabkan pegawai D11 terpaksa menjalankan pelbagai tugas dan mengambil peranan agensi lain, seperti menyediakan sokongan emosi, pertolongan cemas psiko-sosial, kaunseling dan sokongan saksi;
- Program Khidmat Sokongan Saksi di bawah JKM kurang dibiayai dan kurang digunakan kerana Pendakwa tidak mengetahui kemungkinan untuk mereka merujuk kepada yang sesuai kepada WSSP;
- Pendamping Guaman tidak selalu tersedia (terutamanya di kawasan luar bandar) dan Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*] tidak mempunyai ketetapan yang jelas mengenai pengecualian yuran dan sumbangan untuk perkhidmatan pendamping guaman;
- dana terhad yang diperuntukkan untuk kemudahan dan peralatan di bilik saksi kanak-kanak di mahkamah;
- mereka yang terlibat dalam prosiding mahkamah tidak sensitif kepada fakta bahawa saksi utama adalah seorang kanak-kanak, dan persidangan pra-perbicaraan pada masa ini tidak digunakan untuk menetapkan "peraturan asas" tentang bagaimana seseorang kanak-kanak itu akan disoal siasat;
- kemudahan langsung atau persidangan video tidak tersedia di semua mahkamah; dan
- kekurangan pengantara yang berkelayakan. Jurubahasa mahkamah pada masa ini berfungsi sebagai pengantara tetapi mereka tidak mempunyai kelayakan dan latihan dalam teknik komunikasi dengan kanak-kanak, terutamanya kanak-kanak kecil dan saksi kanak-kanak yang kurang upaya atau gangguan yang menjejaskan komunikasi (contohnya gangguan spektrum autisme).

Melalui lawatan sambil belajar ke England baru-baru ini (Mei 2022) yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Wanita Dan Kanak-Kanak Dan Pembangunan Sosial, beberapa amalan terbaik telah dikenal pasti untuk diterima pakai oleh Malaysia untuk meningkatkan keberkesanan dan keberkesanan kanak-kanak dalam prosiding jenayah yang melibatkan mangsa dan saksi kanak-kanak. Pelan Hala Tuju (*Roadmap*) ini menyediakan cadangan untuk rancangan lima (5) tahun untuk mencapai hasil utama berikut:

1. Pengkhususan yang dipertingkatkan dalam mengendalikan kes kanak-kanak

Pengkhususan dalam mengendalikan kes kanak-kanak akan dipertingkatkan dengan menetapkan pakar-pakar pegawai kehakiman dan timbalan pendakwa raya untuk ditugaskan dalam semua mangsa/saksi kanak-kanak, dan dengan memperluaskan

bilangan Mahkamah Khas Jenayah Kanak-kanak. Di samping itu, semua pakar pegawai kehakiman, timbalan pendakwa raya, pegawai D11, ahli pasukan SCAN, dan pendamping guaman yang ditetapkan akan dikehendaki menamatkan kursus latihan sijil standard.

Kursus latihan sijil ini akan dimasukkan dalam program latihan yang sedia ada di setiap agensi, ditawarkan secara tetap, dan disesuaikan dengan pengetahuan, sikap dan kemahiran yang diperlukan untuk memenuhi peranan masing-masing (contohnya D11 dalam Temuduga Penyiasatan dan pengumpulan bukti digital dan pasukan SCAN dalam pemeriksaan perubatan forensik) dengan cara yang berkesan dan sensitif kanak-kanak.

Dasar pemindahan dan penggiliran akan disemak semula untuk menambah baik pengekalan pakar terlatih, dan untuk memastikan bahawa apabila pakar dipindahkan, mereka digantikan oleh pegawai lain yang telah menamatkan kursus sijil pakar. Walaupun latihan standard tidak boleh diwajibkan kepada peguam bela, kerajaan akan bekerjasama dengan Majlis Peguam Malaysia untuk mempromosikan peluang pendidikan undang-undang berterusan untuk mewakili anak guam mereka dan memeriksa balas kanak-kanak secara beretika dan sensitif kanak-kanak.

2. Siasatan yang berkesan dan sensitif kanak-kanak terhadap jenayah kanak-kanak

Keupayaan D11 untuk menyiasat jenayah kanak-kanak akan diperkukuh dengan memperluaskan bilangan unit D11, melengkapkan mereka dengan alat dan sumber yang dikemas kini untuk mengumpul bukti digital dan menyiasat penderaan dalam talian, dan meningkatkan keupayaan mereka untuk menemu bual kanak-kanak dan menghasilkan kenyataan rakaman video berkualiti tinggi yang boleh digunakan di mahkamah.

Model semasa yang digunakan oleh D11 untuk menyediakan kaunseling dan sokongan psikologi kepada kanak-kanak semasa proses penyiasatan akan dikaji semula dengan tujuan untuk kemampanan dan mengurangkan pertindihan usaha, termasuk pilihan untuk melibatkan pakar sedia ada dalam kaunseling/psikologi kanak-kanak dari JKM, Jabatan Kesihatan dan NGO untuk membantu D11 semasa menemu bual kanak-kanak.

3. Peningkatan akses kepada sokongan dan bantuan untuk kanak-kanak sepanjang proses keadilan jenayah

Di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611], Pelindung JKM mempunyai tanggungjawab utama untuk menilai risiko dan keperluan mangsa kanak-kanak dan menyelaraskan sokongan yang sewajarnya kepada kanak-kanak dan keluarganya

(contohnya pemeriksaan perubatan, sokongan psiko-sosial, kaunseling, penjagaan alternatif, dan sebagainya). Sebagai tambahan kepada intervensi perlindungan kanak-kanak teras ini (yang berada di luar skop Pelan Hala Tuju ini), mangsa dan saksi kanak-kanak juga memerlukan sokongan untuk mengambil bahagian secara berkesan dalam proses keadilan jenayah, termasuk seseorang untuk memberikan: penjelasan ringkas tentang proses jenayah dan peranan mereka dalamnya; kemas kini berkala tentang perkembangan kes; penyediaan pra-perbincangan dan lawatan suai kenal ke bilik mahkamah; iringan dan sokongan emosi semasa perbincangan; bantuan dalam melengkapkan kenyataan kesan mangsa; dan taklimat selepas perbincangan. Di peringkat global, sokongan ini biasanya disediakan oleh Penyokong Mangsa/Saksi yang terlatih (kakitangan atau sukarelawan), yang mempunyai hubungan rapat dengan agensi dalam sistem keadilan.

Di Malaysia, perkhidmatan sokongan mangsa/saksi kini tersedia melalui Program Khidmat Sokongan Saksi JKM, pegawai penjagaan saksi D11, pegawai psikologi JPN dan Pakar Bantuan Mangsa MAPO (untuk mangsa pemerdagangan). Walau bagaimanapun, perkhidmatan masih kurang dibangunkan dan tidak tersedia secara konsisten kepada semua kanak-kanak yang memerlukannya. Berdasarkan inisiatif ini, pasukan petugas akan dibentuk untuk mengkaji amalan terbaik global dan mencadangkan model baharu untuk pengurusan dan penyampaian Perkhidmatan Sokongan Saksi kepada kanak-kanak dan mangsa dan saksi lain yang terdedah (contohnya mangsa dewasa pemerdagangan, penderaan seksual dan keganasan rumah tangga). Ini termasuk meneroka perkongsian diantara sektor awam-swasta dan pilihan pembiayaan lain.

Satu lagi strategi utama yang digunakan di peringkat global untuk membantu mangsa dan saksi kanak-kanak memberikan bukti terbaik mereka ialah menggunakan perantara terlatih. Peranan perantara adalah untuk menilai keperluan komunikasi kanak-kanak dan tahap perkembangan kognitif, untuk memberikan nasihat kepada polis dan mahkamah tentang cara terbaik untuk berkomunikasi dengan kanak-kanak (termasuk menangani sebarang keperluan khas yang mungkin ada pada kanak-kanak itu), dan untuk membantu dalam menyoal kanak-kanak tersebut semasa penyiasatan dan/atau di mahkamah.

Di negara lain, perantara adalah pakar dalam perkembangan dan komunikasi kanak-kanak, biasanya dengan kelayakan dalam patologi pertuturan, psikologi kanak-kanak, terapi atau pekerja sosial, dan telah menjalani latihan khusus untuk menjadi perantara. Di Malaysia, jurubahasa mahkamah pada masa kini berfungsi sebagai perantara tetapi mereka tidak mempunyai kelayakan dan latihan yang sesuai untuk berkomunikasi dengan kanak-kanak. Cadangan akan dirangka untuk mengukuhkan perkhidmatan perantara dengan mentakrifkan kelayakan yang diperlukan,

membangunkan latihan piawai, dan mewujudkan daftar pakar yang berkelayakan dan terlatih untuk melaksanakan fungsi ini.

4. Prosiding perbicaraan disesuaikan untuk mengurangkan kesusahan dan membantu kanak-kanak memberikan bukti terbaik mereka

Di peringkat global, terdapat pengakuan yang semakin meningkat bahawa proses perbicaraan lawan secara "*adversarial*" gagal untuk memastikan akses kepada keadilan untuk mangsa dan saksi kanak-kanak dan peralihan dalam budaya "*adversarial*" ruang mahkamah permusuhan adalah diperlukan untuk memastikan kanak-kanak dapat memberikan bukti terbaik mereka. Strategi utama yang digunakan di England dan negara undang-undang lain adalah untuk pegawai kehakiman menggunakan persidangan pra-perbicaraan untuk menetapkan "peraturan asas" tentang cara seorang saksi kanak-kanak akan memberikan keterangan.

Ini biasanya termasuk arahan tentang langkah khas yang akan digunakan untuk membantu kanak-kanak memberikan keterangan (pendamping guaman, skrin, pautan langsung dan lain-lain), dan arahan tentang tempoh penyoalan tanpa rehat yang akan dibenarkan, nada dan gaya penyoalan yang sesuai, dan bentuk penyoalan yang dilarang. Selain itu, United Kingdom juga telah memperkenalkan amalan pra-rakam sepuh untuk keterangan kanak-kanak (pemeriksaan, pemeriksaan balas, dan pemeriksaan semula) sebelum perbicaraan, supaya keterangan kanak-kanak itu dapat diperolehi sepenuhnya dalam masa yang lebih dekat dengan tarikh kejadian, sebelum ingatan mereka pudar, dan supaya kanak-kanak itu terhindar daripada tekanan tambahan daripada kelewatan perbicaraan, kehadiran mahkamah yang kerap, dan keperluan untuk memberi keterangan dalam perbicaraan dalam suasana bilik mahkamah yang formal.

Amalan terbaik global ini akan diperkenalkan di Malaysia dengan memperjuangkan agar Ketua Hakim Negara mengeluarkan Arahan Amalan mengenai pengurusan dan perbicaraan jenayah keganasan terhadap kanak-kanak, termasuk persidangan pra-perbicaraan mandatori dan amalan pengurusan kes untuk memastikan kes kanak-kanak diberi keutamaan dan selesai secepat mungkin. Persidangan pra-perbicaraan (diperuntukkan di bawah seksyen 172A Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593)) akan digunakan untuk menetapkan "peraturan asas" tentang cara kanak-kanak itu akan memberi keterangan. Penggunaan langkah khas yang dimandatkan di bawah Akta 676 akan dipertingkatkan dengan melengkapkan mahkamah secara progresif dengan peralatan audio-video, dan merintis pra-rakaman keterangan penuh kanak-kanak (pemeriksaan, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula) sebelum ke mahkamah perbicaraan.

5. Penyelarasan antara agensi dan sistem pengurusan maklumat diperkukuhkan

Sistem semasa melibatkan banyak agensi dan jabatan yang berhubung dengan mangsa dan saksi kanak-kanak, sering bertindak secara silo dan bebas antara satu sama lain. Penyelarasan yang dipertingkatkan dalam pengurusan dan sokongan mangsa kanak-kanak adalah penting untuk memastikan keperluan keseluruhan kanak-kanak dipenuhi, dan untuk mengelakkan pertindihan yang tidak perlu serta penggunaan sumber yang tidak cekap.

Penyelarasan antara agensi dalam mengendalikan kes kanak-kanak pada masa ini dikawal oleh SOP bagi Kes Melibatkan Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak yang dikeluarkan pada 2017. Ini akan dikaji dan dikemas kini untuk mencerminkan amalan baharu yang diperkenalkan (contohnya pendengaran peraturan asas, penyokong mangsa, pengantara), dan untuk menangani kesesakan dan halangan kepada pelaksanaan yang berkesan. Kerjasama antara agensi juga akan dipertingkatkan melalui latihan pelbagai disiplin untuk JKM, PDRM, ahli Pasukan SCAN dan NGO.

Perubahan budaya juga diperlukan jika dasar didorong oleh penyelidikan dan dimaklumkan oleh asas bukti yang kukuh, kerana pada masa ini terdapat terlalu banyak sistem pengurusan data. Penyelidikan mengenai isu terbabit juga wujud, tetapi jarang dikongsi. Penetapan penunjuk prestasi utama dan pengumpulan, perkongsian dan analisis data yang lebih baik akan digunakan untuk memantau pengalaman kanak-kanak dengan lebih baik dalam sistem keadilan dan untuk memaklumkan pembaharuan yang berasaskan bukti.

Di samping itu, berdasarkan model *LightHouse* yang diperhatikan di England, Malaysia akan merintis pusat sehati "Barnahus" yang serupa dan menilai kemungkinan untuk memperluaskan model tersebut. Model "Barnahus" (Bahasa Iceland untuk "rumah untuk kanak-kanak") yang menjadi asas *LightHouse* telah diiktiraf secara global sebagai model perkhidmatan bersepadu yang mesra kanak-kanak, pelbagai disiplin dan bersepadu untuk bertindak balas terhadap mangsa keganasan kanak-kanak.

Barnahus menawarkan persekitaran yang mesra kanak-kanak dan selamat untuk kanak-kanak di mana pasukan pelbagai disiplin (polis, perkhidmatan perlindungan kanak-kanak dan pekerja perubatan dan kesihatan mental) bekerjasama di bawah satu bumbung untuk menyokong mangsa kanak-kanak. Mereka biasanya mempunyai ruang penerimaan tetamu dan menunggu yang mesra, bilik kaunseling persendirian, bilik mesyuarat untuk mesyuarat pasukan pelbagai disiplin dan persidangan kes antara agensi, bilik temu duga mesra kanak-kanak untuk menjalankan temu bual rakaman video, dan klinik perubatan/bilik pemeriksaan perubatan di tapak.

Rawatan perubatan dan pemeriksaan perubatan forensik secara amnya dijalankan di premis Barnahus, melainkan ia adalah kes mendesak atau rumit yang memerlukan intervensi khas di persekitaran hospital. Kanak-kanak itu juga ditemu bual di tapak oleh penemuduga terlatih khas, dengan profesional lain yang berkaitan memerhati dari bilik lain. Kenyataan kanak-kanak itu dirakam video dan kemudiannya boleh dikemukakan di mahkamah tanpa keperluan kanak-kanak tersebut menghadiri prosiding perbicaraan.

6. Rangka kerja undang-undang yang dipertingkatkan untuk perlindungan mangsa dan saksi kanak-kanak

Perlindungan kanak-kanak daripada semua bentuk keganasan akan dipertingkatkan dengan menyemak dan meminda Kanun Keseksaan, Akta 792 dan Akta 611 untuk menyelaraskan usia dewasa (*age of consent*) untuk kesalahan seksual dan untuk menangani jurang yang berkaitan dengan penderaan dalam talian dan eksploitasi seksual dan penderaan kanak-kanak (CSEA). Di samping itu, Akta Keselamatan Dalam Talian baharu diperlukan untuk mengawal tanggungjawab industri ICT untuk perlindungan dalam talian kanak-kanak dan untuk menyediakan pengeluaran notis alih keluar bagi kandungan penderaan seksual kanak-kanak.

Halangan-halangan yang menjejaskan pendakwaan jenayah terhadap kanak-kanak yang berkesan akan ditangani dengan meminda Akta 676 untuk melanjutkan langkah khas kepada kanak-kanak di bawah 18 tahun (bukannya 16 tahun), dan untuk menggubal amalan baharu yang diperkenalkan, seperti pendengaran peraturan asas. Undang-undang yang mengawal kecekapan dan saksi kanak-kanak, dan keperluan untuk pengesahan juga akan dikaji semula untuk menyelaraskan dengan piawai dan amalan antarabangsa di negara-negara *common law* yang lain. Akses kanak-kanak kepada pendamping guaman akan dipertingkatkan dengan meminda Akta 26 untuk memperuntukkan pengecualian yuran dan sumbangan untuk perkhidmatan ini.

Lampiran ini menggariskan tindakan utama yang diperlukan untuk mencapai matlamat-matlamat ini, serta agensi, sasaran dan jangka masa yang bertanggungjawab. Memandangkan setiap Negeri mempunyai kekuatan dan cabarannya sendiri, JKPK menyorkan agar perundingan pihak berkepentingan peringkat Negeri dilaksanakan dan rancangan dirangkakan untuk melaksanakan Pelan Hala Tuju ini, dengan memenuhi keperluan khusus masing-masing. Anggaran pembiayaan untuk aktiviti-aktiviti utama di bawah Pelan Hala Tuju ini juga diperlukan supaya agensi yang bertanggungjawab dapat memastikan peruntukan belanjawan tahunan yang mencukupi untuk pelaksanaan sepenuhnya.

**PETA JALAN UNTUK MENGUKUHKAN SOKONGAN UNTUK KANAK-KANAK MANGSA DAN SAKSI
DALAM SISTEM KEADILAN JENAYAH: 2022-2027**

Hasil / Tindakan	Agensi yang bertanggungjawab	Sasaran	Garis masa
1. Pengkhususan yang dipertingkatkan dalam mengendalikan kes kanak-kanak (penyiasatan, temu bual, keterangan forensik dan perbicaraan)			
1.1 Merangkakan kursus pensijilan pakar mengenai mangsa/saksi kanak-kanak untuk penyiasat, ahli pasukan SCAN, pendakwa raya, pendamping guaman, dan badan kehakiman, khusus untuk setiap fungsi mereka.	Badan Kehakiman, JPN, KKM, Maktab PDRM, JBG	Kursus sijil standard dirangkakan	Sebelum Q1 2023
1.2 Mewajibkan penamatan kursus pensijilan sebagai pra-syarat bagi semua pegawai D11, ahli pasukan SCAN, pendamping guaman, dan bagi timbalan pendakwa raya dan pegawai kehakiman yang ditugaskan di Mahkamah Khas atau yang dilantik sebagai pakar kanak-kanak.	Badan Kehakiman, JPN, KKM, PDRM, Maktab PDRM, JBG	Keperluan latihan mandatori diperkenalkan	Sebelum Q2 2023
1.3 Latihan pensijilan yang teratur dan sistematik dijalankan setiap tahun sebagai sebahagian daripada program latihan dan pensijilan dalam perkhidmatan setiap agensi.	Badan Kehakiman, JPN, KKM, Maktab PDRM, JBG	Kursus pensijilan ditawarkan setiap tahun untuk D11, timbalan pendakwa raya, pendamping guaman, hakim dan ahli pasukan SCAN	2023- 2027

<p>1.4 Memperluas bilangan Mahkamah Khas Jenayah Seksual terhadap Kanak-kanak, dengan alat teknikal yang mencukupi dan tenaga manusia (pendamping guaman, penyokong mangsa, hakim mahkamah khas yang dilantik, pakar timbalan pendakwa raya yang ditetapkan)</p>	<p>Badan Kehakiman, JPN</p>	<p>mahkamah tambahan ditubuhkan</p>	<p>Sebelum 2027</p>
<p>1.5 Di daerah tanpa Mahkamah Khas, pelantikan seorang Hakim Mahkamah Sesyen pakar dan pakar timbalan pendakwa raya untuk mengendalikan semua kes kesalahan seksual kanak-kanak.</p>	<p>Badan Kehakiman, JPN</p>	<p>Hakim pakar dan DPP yang ditetapkan di seluruh negara</p>	<p>Sebelum Q1 2023</p>
<p>1.6 Menyemak dan meneliti semula dasar pertukaran dan kenaikan pangkat semasa untuk pegawai kehakiman, pakar timbalan pendakwa raya, dan pegawai D11 untuk memastikan pakar kanak-kanak terlatih dikekalkan untuk tempoh minimum yang ditetapkan, dan digantikan oleh seseorang yang mempunyai pensijilan yang sesuai.</p>	<p>Badan Kehakiman, JPN, PDRM</p>	<p>Dasar pengekalan dilaksanakan</p>	<p>Sebelum akhir 2023</p>
<p>1.7 Advokasi dengan Majlis Peguam untuk menyediakan peluang Pendidikan Undang-undang Berterusan (CLE) kepada peguam pembelaan mengenai pendekatan yang berkesan dan beretika untuk pemeriksaan mangsa/saksi kanak-kanak, termasuk mematuhi keperluan “peraturan asas” baharu.</p>	<p>Majlis Peguam</p>	<p>CLE untuk peguam bela setiap tahun</p>	<p>2023-2027</p>

2. Siasatan yang berkesan dan sensitif kanak-kanak terhadap jenayah terhadap kanak-kanak

<p>2.1 Kembangkan D11 mengikut zon atau bahagian pentadbiran untuk menyediakan liputan geografi yang lebih luas.</p>	<p>PDRM</p>	<p>unit D11 baharu ditubuhkan</p>	<p>Sebelum 2024</p>
<p>2.2 Menjalankan audit untuk peralatan rakaman video D11 dan alat penyiasatan digital, dan menaik tarafkan peralatan mengikut keperluan untuk memastikan kapasiti untuk mengambil kenyataan rakaman video berkualiti tinggi daripada mangsa kanak-kanak dan untuk menangani jenayah dalam talian terhadap kanak-kanak.</p>	<p>PDRM</p>	<p>Peralatan yang dinaik taraf diperolehi</p>	<p>Sebelum Q1 2023</p>
<p>2.3 Memastikan kenyataan mangsa kanak-kanak hanya direkodkan oleh penyiasat D11 yang dilatih dan diperakui khas dalam menemu bual kanak-kanak.</p>	<p>PDRM</p>	<p>Semua mangsa kanak-kanak ditemu bual oleh pakar bertauliah</p>	<p>Sebelum akhir 2024</p>
<p>2.4 Meningkatkan penyelarasan antara D11 dan JKM, Jabatan Kesihatan dan pakar lain dalam kaunseling / psikologi kanak-kanak yang boleh menyokong kanak-kanak dan mengurangkan perasaan trauma dan tekanan kanak-kanak apabila ditemu bual oleh pihak polis.</p>	<p>PDRM, JKM, KKM, NGO</p>	<p>Semua mangsa kanak-kanak menerima sokongan psiko-sosial yang sesuai</p>	<p>Sebelum akhir 2024</p>
<p>2.5 Memperluas dan mengukuhkan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan undang-undang antarabangsa (contohnya NCA di United Kingdom, FBI di Amerika Syarikat, Polis Persekutuan Australia) untuk berkongsi risikan dan kepakaran serta menjangka dan menangani ancaman dan trend yang muncul secara berkesan berhubung dengan penderaan dan eksploitasi seksual dalam talian.</p>	<p>PDRM</p>	<p>Perkongsian kecerdasan yang lebih baik</p>	<p>2022-2027</p>

3. Peningkatan akses kanak-kanak terhadap sokongan dan bantuan sepanjang proses keadilan jenayah

<p>3.1 Membentuk pasukan petugas antara agensi (dengan KPWK, JKM, MAPO (VAS), D11, Badan Kehakiman, JPN, Majlis Peguam, OCC dan NGO) untuk menyemak model Perkhidmatan Sokongan Mangsa/Saksi dari negara lain dan mencadangkan model yang sesuai untuk Malaysia.</p>	<p>KPWKM, JKM, MAPO, Badan Kehakiman, JPN, Majlis Peguam, D11, Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak (OCC), NGO</p>	<p>Cadangan dibangunkan dan diluluskan</p>	<p>Sebelum akhir 2023</p>
<p>3.2 Melaksanakan model baharu untuk pengurusan dan penyampaian Perkhidmatan Sokongan Saksi yang komprehensif kepada semua kanak-kanak dan saksi lain yang terdedah.</p>		<p>Model WSS dilaksanakan</p>	<p>Sebelum awal 2024</p>
<p>3.3 Mendapatkan sokongan pembiayaan daripada sektor korporat sebagai sebahagian daripada sumbangan mereka terhadap Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).</p>		<p>Sumbangan sektor korporat dijamin</p>	<p>Sebelum awal 2024</p>
<p>3.4 Menyediakan bilik WSS di semua bangunan mahkamah.</p>	<p>Badan kehakiman</p>	<p>Bilik WSS di semua mahkamah</p>	<p>Sebelum akhir 2025</p>
<p>3.5 Membangunkan cadangan untuk pemilihan, latihan dan akreditasi orang yang layak sebagai Perantara Saksi Berdaftar untuk membantu saksi kanak-kanak berkomunikasi dengan polis, peguam dan mahkamah.</p>	<p>Badan kehakiman</p>	<p>Cadangan diluluskan</p>	<p>Sebelum 2027</p>

4. Prosiding perbicaraan disesuaikan untuk mengurangkan kesusahan dan membantu kanak-kanak memberikan keterangan terbaik mereka

<p>4.1 Mengeluarkan Arahan Amalan mengenai pengurusan dan perbicaraan jenayah keganasan terhadap kanak-kanak, termasuk persidangan pra-perbicaraan mandatori dan amalan pengurusan kes bagi memastikan kes kanak-kanak diberi keutamaan dan diselesaikan secepat mungkin.</p>	<p>Ketua Hakim Negara</p>	<p>Arahan Amalan dikeluarkan</p>	<p>Sebelum akhir 2022</p>
<p>4.2 Seragamkan amalan menggunakan persidangan pra-percubaan untuk menetapkan "peraturan asas" untuk bagaimana kanak-kanak akan memberi keterangan.</p>	<p>Badan Kehakiman, JPN, Majlis Peguam</p>	<p>Peraturan asas diperkenalkan</p>	<p>Sebelum Q1 2023</p>
<p>4.3 Secara progresif, melengkapkan lebih banyak mahkamah, termasuk mahkamah litar (<i>circuit courts</i>), untuk membenarkan kanak-kanak memberi keterangan dari luar bilik mahkamah melalui pautan audio-video yang selamat.</p>	<p>Badan kehakiman</p>	<p>Semua mahkamah mempunyai akses kepada peralatan pautan langsung</p>	<p>Sebelum 2026</p>
<p>4.4 Merintis pra-rakaman keterangan kanak-kanak (peperiksaan, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula) sebelum prosiding mahkamah.</p>	<p>Badan Kehakiman, JPN, Majlis Peguam</p>	<p>Projek Perintis dimulakan</p>	<p>Sebelum Q1 2024</p>
<p>4.5 Mengeluarkan garis panduan hukuman untuk badan kehakiman mengenai jenayah keganasan terhadap kanak-kanak, terutamanya untuk CSEA, mengikut model UK</p>	<p>Badan Kehakiman, JPN, Majlis Peguam</p>	<p>Garis panduan hukuman dikeluarkan</p>	<p>Sebelum 2024</p>

5. Peningkatan penyelarasan antara agensi dan pengurusan maklumat			
5.1 Mengkaji dan mengemas kini SOP antara agensi untuk Kes Melibatkan Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (2017) untuk mengambil kira prosedur baharu yang diperkenalkan (contohnya pendengaran peraturan asas, sokongan mangsa, pengantara).	Badan Kehakiman, JPN, PDRM, OCC, Majlis Peguam, JKM, NGO	SOP yang disemak semula	Sebelum pertengahan 2023
5.2 Membangunkan latihan pelbagai agensi untuk JKM, PDRM, ahli pasukan SCAN, dan NGO untuk meningkatkan penyelarasan dan memastikan konsistensi dalam penyediaan sokongan kepada mangsa.	PDRM, JKM, KKM, NGO	Latihan pelbagai agensi tahunan	2023-2027
5.3 Menubuhkan pasukan petugas untuk menyelidik model <i>Barnahus/ LightHouse</i> dan menyediakan cadangan untuk mengguna pakai model serupa di Malaysia.	Badan Kehakiman, JPN, PDRM, OCC, JKM, KKM	Cadangan dibangunkan	Sebelum akhir 2024
5.4 Merintis model <i>Barnahus/ LightHouse</i> dan menilai kemungkinan untuk memperluaskan.	Badan Kehakiman, JPN, PDRM, OCC, JKM, KKM	Projek Perintis dimulakan	Sebelum 2026
5.5 Memperkukuh pengumpulan dan perkongsian data mengenai mangsa/saksi kanak-kanak dalam sistem keadilan dan meningkatkan analisis data/statistik untuk memaklumkan tindakan susulan.	MAMPU, Badan Kehakiman, timbalan pendakwa raya, PDRM, DOSM	Laporan tahunan mengenai mangsa/saksi kanak-kanak dalam sistem keadilan jenayah yang dihasilkan	2023-2027
5.6 Tetapkan indeks prestasi utama (KPI) untuk mahkamah, timbalan pendakwa raya dan PDRM untuk memantau penyelesaian kes mahkamah bagi memastikan kelewatan dapat diminimumkan.	Badan Kehakiman, DPP, PDRM	KPI ditetapkan	Sebelum akhir 2022

6. Rangka kerja undang-undang yang diperkukuhkan untuk perlindungan mangsa dan saksi kanak-kanak

<p>6.1 Mengkaji dan menyemak semula undang-undang mengenai kesalahan seksual terhadap kanak-kanak (Kanun Keseksaan, Akta 792, Akta 611) untuk menyelaraskan umur yang dibenarkan dan menangani jurang.</p>		<p>Rang Undang-undang diperkenalkan</p>	<p>Sebelum akhir 2023</p>
<p>6.2 Pindaan Akta 676 untuk melanjutkan langkah khas kepada kanak-kanak di bawah 18 tahun (bukannya 16 tahun), untuk menggubal perbicaraan "peraturan asas", untuk menentukan dengan lebih jelas siapa yang boleh menjadi perantara dan kelayakan dan latihan yang diperlukan, untuk memberi mahkamah lebih jelas kuasa untuk mengawal pemeriksaan balas kanak-kanak yang tidak sesuai, dan untuk membenarkan pra-rakaman penuh keterangan kanak-kanak (peperiksaan, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula) sebelum perbicaraan mahkamah, tertakluk kepada budi bicara Hakim.</p>		<p>Akta dipinda</p>	<p>Sebelum 2023</p>
<p>6.3 Semak dan pertimbangkan untuk mengemas kini atau memansuhkan peraturan keterangan seperti seksyen 133A Akta Keterangan 1950 [Akta 56].</p>		<p>Akta dipinda</p>	<p>Sebelum 2023</p>
<p>6.4 Pindaan Akta 26 untuk memperuntukkan pengecualian yuran dan caruman untuk perkhidmatan sahabat guaman.</p>		<p>Akta dipinda</p>	<p>Sebelum 2023</p>
<p>6.5 Draf Rang Undang-Undang Keselamatan Dalam Talian</p>		<p>Undang-undang diluluskan</p>	<p>Sebelum 2024</p>
<p>6.6 Membangunkan Kod Amalan untuk Mangsa Jenayah yang dimodelkan di United Kingdom</p>		<p>Kod Amalan diluluskan</p>	<p>Sebelum 2024</p>

BAHAGIAN IV

RUMUSAN JAWATANKUASA

Lawatan kerja ini merintis jalan kepada JKPK yang lain untuk meneroka pengalaman dan amalan terbaik negara luar dalam menangani isu yang diangkat oleh JKPK. Usaha yang dilakukan JKPK Hal Ehwal Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial wajar diberi penghargaan kerana memanfaatkan tempoh masa lawatan kerja dengan optimum untuk menyantuni isu permasalahan kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan dan berkonflik dengan undang-undang.

Sistem sokongan yang diperkenalkan United Kingdom nyata sekali berjaya memberi perlindungan secara holistik kepada mangsa dan saksi kepada kes penderaan. Malahan, sistem yang diguna pakai United Kingdom ini adalah selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC). Lawatan kerja ini diharapkan dapat memberi percambahan idea kepada setiap delegasi untuk mempraktikkan amalan terbaik yang diterajui United Kingdom dalam menangani isu kanak-kanak yang mengalami penderaan.

SENARAI DELEGASI

1. YB. Dato' Sri Azalina Othman Said, Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial, Ahli Parlimen Pengerang
2. YB. Pn. Fuziah binti Salleh, Ahli Parlimen Kuantan
3. YB. Tn. Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil, Ahli Parlimen Lembah Pantai
4. YB. Tn. Ahmad Tarmizi bin Sulaiman, Ahli Parlimen Sik
5. YB. Pn. Alice Lau Kiong Yieng, Ahli Parlimen Lanang
6. YB. Pn. Hannah Yeoh, Ahli Parlimen Segambut
7. Dr. Zakiah binti Mohd Said, Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia
8. Pn. Fatimah Zuraidah Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan, Jabatan Kebajikan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
9. YBhg. Dato 'Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman Timbalan Ketua Setiausaha (Keselamatan), Kementerian Dalam Negeri
10. En. Asrul Shah bin Razali Chief Assistant Secretary, Crime and Terrorism Unit, Security Division, Ministry of Home Affairs
11. En. Asrul Shah bin Razali, Ketua Penolong Setiausaha, Unit Pencegahan Jenayah dan Keganasan, Bahagian Keselamatan
12. Pn. Izyan Hazwani binti Ahmad, Ketua Penolong Setiausaha, Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
13. YA Pn. Evrol Mariette Peters, *Judicial Commissioner*, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur
14. YBhg. Datin Kunasundry a/p Marimuthu Hakim, Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-kanak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya
15. Pn. Elsie Primus, Hakim Mahkamah Sesyen, Kota Kinabalu, Sabah
16. SAC Mohamad Zainal bin Abdullah Ketua Penolong Pengarah (D5), Pendakwaan dan Undang-undang, Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia
17. Supt. Wong Pooi Lin Penolong Pengarah (D 11), Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Polis Diraja Malaysia

18. Puan Rozana Abdullah, Pegawai Penyelidik Parlimen
19. Pn. Mona Hanim binti Sheikh Mahmud, Pegawai Khas kepada YB Dato' Sri Azalina Othman Said
20. Cik Loh Jing Rou, Pegawai Khas kepada YB Dato' Sri Azalina Othman Said
21. Cik Selvi Supramaniam, Pakar Perlindungan Kanak-kanak, UNICEF
22. Cik Srividhyaya Ganapathy, *Child Rights Innovation and Betterment (CRIB)*

Day 1: Monday, 23/05/2022

Commonwealth Parliamentarian Association Programme (*Limited to Members of Parliament only)

0900		CPA UK staff will welcome delegates at the Portcullis House visitors entrance and accompany them to the CPA room.	
0920 1000	-	Tour of the Houses of Parliament The delegation will receive a tour of the historic Houses of Parliament buildings.	Westminster Hall
1000 1015	-	Tea & Coffee Break Tea and coffee will be served. Pre-assessment forms will be available for delegates to complete.	CPA Room
1015 1045	-	Official opening and welcome The session will formally welcome the delegation from the Parliament of Malaysia. There will be an introduction to the work of CPA UK and an overview of the programme. Delegates will share their learning objectives for the day. Speakers: Jon Davies, <i>Chief Executive of CPA UK</i>	CPA Room
1045 1145	-	Session 1: Effective Scrutiny by Select Committees This initial session will provide an overview of the role of Committees in the Westminster system. It will outline how Committees effectively scrutinise the executive and consider how to strengthen their impact. It will also cover Committee culture and cross-party consensus, as well as gaining wider house support on Committee recommendations. Speakers: TBC MP, House of Commons Baroness Manzila Uddin, <i>Member of the House of Lords with thematic interest in Women's Empowerment</i> Chloe Challender, <i>Clerk of the Women and Equalities Committee, House of Commons</i>	CPA Room
1145- 1200		Tea & Coffee Break	
1200- 1300		Session 2: Maintaining Committee Resilience and Momentum during Political Uncertainty	CPA Room

	<p>This session will provide an overview of how to maintain Committee momentum during political uncertainty. It will focus on the use of standing orders and other relevant mechanisms to ensure the resilience and sustainability of Committees.</p> <p>Speakers: TBC MP, House of Commons Judith Boyce, <i>Clerk of the Transport Committee, House of Commons</i></p>	
1300– 1400	LUNCH	CPA Room
1400– 1500	<p>Session 3: Lived Experience: Hearing from a Diverse Range of Witnesses</p> <p>This session will examine engaging with vulnerable and child witnesses during parliamentary inquiries. It will also cover engaging with civil society as representatives of victim survivors and how to secure a strong evidence base to inform conclusions and recommendations.</p> <p>Speakers: Tim Loughton MP, <i>Parliamentary Under-Secretary of State for Children and Families from 2010 to 2012, and twice served as the Acting Chairman of the Home Affairs Select Committee</i> Mark Earl, <i>Committee Operations Manager responsible for safeguarding and witness support</i> Kate Johal, <i>Committee Specialist on the Home Affairs Committee</i></p>	CPA Room
1500 – 1530	<p>Session 4: Feedback and Next Steps</p> <p>At the end of day three, delegates will reflect together on what they have learnt through the programme and consider what actions they may take as a result in the Parliament of Malaysia. Post-assessment forms will be completed.</p> <p>Speaker: Matthew Hamilton, Monitoring and Evaluation Manager</p>	CPA Room

Day 2 – Tuesday, 24/05/2022

Team A

Time	Activity	Speakers
08:30-09:00	Breakfast Briefing	
09:30-11:30	<p><u>Team A1</u></p> <p>1. Visit to National Crime Agency’s headquarters</p> <p>2. Meeting with Internet Watch Foundation</p> <p>3. Meeting with We Protect Alliance</p>	<p>1. Sarah Blight, NCA, Deputy Director, Child Sexual Abuse, Threat Leadership</p> <p>2. Sean Sutton, NCA, Head of Education and Partnerships, Threat Leadership</p> <p>3. Michael Tunks, IWF, Senior Policy and Public Affairs Manager</p> <p>4. Susie Hargreaves, IWF, CEO</p> <p>5. Abigail Fedorovsky, IWF, Policy and Public Affairs Officer</p> <p>6. Chloe Setter, We Protect, Head of Advocacy, Policy & Research</p> <p><u>Venue:</u> 1–6 Citadel Place, Tinworth Street, London SE11 5EF, United Kingdom.</p>
09:30-12:30	<p><u>Team A2</u></p> <p>Visit to Office of National Statistic</p>	<p>1. Inclusive Data Taskforce</p> <p>2. Kirsten Newton, Deputy Head of International Relation, Central Policy Secretariat</p> <p><u>Venue:</u> London offices of ONS, 1 Drummond Gate, Pimlico, SW1V 2QQ.</p>
12:30-13:30	Lunch	
14:00-16:00	Meeting with Victim Support UK	<p>Jeffrey DeMarco, Assistant Director - Knowledge and Insight</p> <p><u>Venue:</u> 2nd Floor, Whitecross Studios, 50 Banner Street, London, Greater London, EC1Y 8ST, United Kingdom</p>
16:30-18:30	Networking Tea Reception by PSSC	<p><u>Venue:</u> Hyatt Regency London - The Churchill, 30 Portman Square, London W1H 7BH, United Kingdom.</p>

Team A1

1. **Hon. Dato' Sri Azalina Othman Said**
Chairman of the PSSC

2. **Hon. Alice Lau**
Constituency of Lanang

3. **Justice Madam Evrol Marriette Peters**
Judge, High Court of Kuala Lumpur

4. **Madam Datin Kunasundry a/p Marimuthu**
Session Court Judge
Sexual Crime Court Against Children Putrajaya

5. **Madam Elsie Primus**
Sessions Court Judge at Kota Kinabalu Court, Sabah

6. **SAC Mohamad Zainal bin Abdullah**
Principal Assistant Director (D5), Prosecution / Legal Division, Criminal
Investigation Department

7. **Supt. Wong Pooi Lin**
Assistant Director Sexual, Women and Child Investigation Division (D11), Criminal
Investigation Department

8. **Ms. Srividhyaya Ganapathy**
Representatives of Civil Society Organisation

9. **Ms. Jing Rou Loh**
Officer to Hon. Dato' Sri Azalina

10. **Mdm. Izyan Hazwani binti Ahmad**
Principal Assistant Secretary, Office of the Children's Commissioner (OCC), Human
Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM)

Team A2

1. **Hon. Ahmad Tarmizi**
Constituency of Sik
2. **Hon. Ahmad Fahmi Fadzil**
Constituency of Lembah Pantai
3. **Hon. Hannah Yeoh**
Constituency of Segambut
4. **Hon. Fuziah Salleh**
Constituency of Kuantan
5. **Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman**
Deputy Secretary General
6. **Mr. Asrul Shah bin Razali**
Principal Assistant Secretary
Crime and Terrorism Prevention Unit, Security Division
7. **Ms. Rozana Abdullah**
Secretary to the delegation
8. **Dr. Zakiah binti Mohd Said**
Family Health Development Division

Team B (Hon. Fuziah Salleh dan Hon. Fahmi Fadzil)

Time	Activity	Speakers
09:30 – 09:45	Arrivals	<u>Venue:</u> Westminster for Democracy Clive House, 70 Petty France, London SW1H 9EX, United Kingdom, Holyrood Room
09:45 – 10:00	Welcome from Anthony / Matthew + Introduction to WFD (WFD Malaysia introduction)	
10:15 – 11:15	Meeting with Theo Clarke MP, member of the Women and Equalities Committee.	Theo Clarke MP, member of the Women and Equalities Committee
11:15 – 12:30	Visit to Office of National Statistic	1. Inclusive Data Taskforce 2. Kirsten Newton, Deputy Head of International Relation, Central Policy Secretariat <u>Venue:</u> London offices of ONS, 1 Drummond Gate, Pimlico, SW1V 2QQ.
12:45 – 14:15	Lunch meeting with WFD UK: Regional Manager Matthew Hedges and Senior Manager Naomi Barnard, Janet Veitch WFD external consultant	
14:15 – 15:15	Meeting with Holly Dustin and Sarah Brader on Culture change and gender equality in Parliament	Holly Dustin, former Clerk of the Gender Committee from the Westminster, House of Commons and Sarah Brader, Director of Culture
15:15 – 16:15	Meeting with Ewan Devine-Kennedy, Equalities & Human Rights Commission (EHRC)	
16:30-18:30	Networking Tea Reception by PSSC	<u>Venue:</u> Hyatt Regency London - The Churchill, 30 Portman Square, London W1H 7BH, United Kingdom.

Day 3 – Wednesday, 25/05/2022

Team A

Time	Activity	Speakers
08:30– 09:00	Breakfast Briefing	
09:30- 12:30	Roundtable Discussion on Vulnerable Victim & Witnesses in the Justice System	<ol style="list-style-type: none"> 1. HHJ Patricia Lees, Crown Court Judge 2. Allison Hunter, QC <p><u>Venue:</u> Hyatt Regency London - The Churchill, 30 Portman Square, London W1H 7BH, United Kingdom.</p>
12:30- 13:30	Lunch	
14:00- 17:30	<ol style="list-style-type: none"> 1. Visit to Old Bailey 2. Meeting with Crown Prosecution Service 3. Meeting with Metropolitan Police London 4. Meeting with Youth Justice Board 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Poppy Jafrato, CPS, Crown Court Manager 2. Hannah Kappler, CPS, Senior Policy Advisor – Victims and Witnesses, Strategy and Policy Directorate 3. Detective Inspector Neil Tovey, Met Police, Homicide 4. Detective Inspector Suzanne Soren, Met Police, Exploitation Unit 5. Acting Detective Inspector Jason Crinnion, Met Police, Homicide, Tier 5 interview advisor. 6. Detective Constable Arran Barnes, Met Police, Homicide, Tier 5 Interview advisor 7. Detective Constable Elly Mitchell, Met Police, Homicide, Child protection 8. Liz Westlund, Youth Justice Board, Head of London 9. Kelly Duggan, Youth Justice Board, Head of the Youth Justice Service in Tower Hamlets and City of London <p><u>Venue:</u> Old Bailey, London EC4M 7EH, United Kingdom</p>

Team B

Time	Activity	Speakers
13:00	Inter Pares Programme in Rome Parliament - Hon. Fuziah Salleh - Hon. Hannah Yeoh - Hon. Alice Lau	

Time	Activity	Speakers
09:30-12:30	Visit to the Light House	1. Eimear Timmons, Interim Service Manager, The Lighthouse 2. Dr Sara Lakin, Clinical Psychologist the Lighthouse 3. Amy Stelefox, Lighthouse practitioner, Case management team 4. Monique Joseph, Lighthouse practitioner, Case management team 5. Dr Leanne Ong, Clinical Psychologist at the Lighthouse 6. Candice Harris, Experienced Consultant <u>Venue:</u> The Light House, 7-8 Greenland Place, Camden Town, London, NW1 0AP
12:30-13:30	Lunch – Debrief Session	



**PENGERUSI JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
HAL EHWAL WANITA DAN KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PENERANG**

Pejabat Jawatankuasa Pilihan Khas
Jalan Parlimen
50680 KUALA LUMPUR

Telefon : 03- 2601 7175 / 03-2601 7102
Faks : 03- 2601 7161
e-mel : jpkp.dr@parlimen.gov.my

**Mangsa Kanak-Kanak dan Saksi Dalam Sistem Keadilan
*Child Victims and Witnesses in the Justice System***

Lawatan Sambil Belajar ke United Kingdom untuk Jawatankuasa Pilihan Khas
Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial 23-26 Mei 2022

Laporan Ringkas

Nama	1. DATO' HAJI ABDUL HALIM BIN HAJI ABDUL RAHMAN TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KESELAMATAN) 2. ASRUL SHAH BIN RAZALI KETUA PENOLONG SETIAUSAHA KANAN BAHAGIAN KESELAMATAN
Kementerian/ Jabatan/ Agensi	KEMENTERIAN DALAM NEGERI
No. Telefon
E-mel
Tarikh Laporan	8 JUN 2022

Pemerhatian Utama daripada Lawatan Sambil Belajar

Office of National Statistics (ONS):

Tadbir urus ONS tidak diletakkan di bawah tanggungjawab mana-mana Menteri, justeru pelaksanaan tugas adalah lebih telus. Pegawai statistik juga ditempatkan di pelbagai jabatan bagi memudahkan penyelarasan data/statistik, suatu amalan yang boleh dipertimbangkan di Malaysia. Dalam konteks pengumpulan data/statistik, di bawah Akta Ekonomi Digital, terdapat seksyen tertentu yang membolehkan ONS mendapatkan data/statistik daripada jabatan/agensi dan jabatan/agensi wajib mengemukakan maklumat tersebut. ONS juga sedang menjalankan soal selidik

terhadap kanak-kanak yang merangkumi soalan bersesuaian dengan tahap pemikiran responden, iaitu golongan kanak-kanak.

Pihak ONS juga mewujudkan *Inclusive Data Task Force*, iaitu satu pasukan khas yang komited dalam memastikan penglibatan segenap lapisan masyarakat dalam mana-mana kajian. Tujuannya adalah bagi memastikan statistik yang diperolehi lebih jitu dan memberikan gambaran sebenar terhadap sesuatu situasi.

Victim Support UK:

Merupakan sebuah pertubuhan yang banyak memberikan bantuan dan pembelaan terhadap kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah terutama homisid, penderaan dan jenayah seksual. Mangsa dirujuk kepada pertubuhan yang diwujudkan oleh Ministry of Justice (MoJ) ini oleh agensi-agensi kerajaan. Perkhidmatan ini diberikan secara percuma kepada penduduk England dan Wales. Kaedah sokongan dan psikologi yang diberikan kepada mangsa adalah berdasarkan kepada modul-modul khusus yang dibangunkan dengan komprehensif melalui pelbagai pendekatan yang saintifik.

Roundtable Discussion on Vulnerable Victim & Witnesses in the Justice System:

Sesi perbincangan ini memberikan fokus kepada pengendalian mangsa atau saksi yang terdiri dari kanak-kanak dalam kes-kes jenayah. Hakim dari *Crown Court* dan seorang *Queen Counsel* (QC) telah berkongsi pengalaman serta maklumat mengenai amalan perundangan di United Kingdom serta perkongsian dalam beberapa kes yang melibatkan kanak-kanak sebagai mangsa atau saksi. Penggunaan sidang video, rakaman kenyataan saksi kanak-kanak tidak melebihi dua (2) kali serta pembentukan soalan yang diajukan kepada mangsa/saksi kanak-kanak merupakan perkara yang sangat menarik untuk diteliti dan diperkasakan di Malaysia.

Lawatan ke Old Bailey (*Criminal Court of Justice*):

Dalam beberapa siri taklimat oleh *Crown Prosecution Service*, *Metropolitan Police London* dan *Youth Justice Board*, terdapat pelbagai perkongsian mengenai amalan dalam sistem perundangan sama ada di mahkamah atau di pihak polis dalam mengendalikan kes-kes yang melibatkan kanak-kanak. Kaedah *Video Recording Interview* (VRI) bagi menjamin tahap psikologi dan kestabilan mental kanak-kanak yang terlibat dalam prosiding dilaksanakan. Selain itu, kaedah ini juga dilakukan untuk menjamin kerahsiaan saksi. Di United Kingdom juga diwujudkan *National Referral Mechanism* bagi memudahkan agensi merujuk mangsa/saksi kanak-kanak kepada agensi atau pertubuhan yang boleh memberikan perkhidmatan atau pembelaan yang sewajarnya kepada kanak-kanak berkaitan. Penggunaan dan perbezaan amalan terhadap *young people* sebagai mangsa dan *young people* sebagai saksi juga sesuatu yang sangat menarik untuk diaplikasikan dalam sistem perundangan di Malaysia.

Lawatan ke Light House:

Organisasi bukan kerajaan yang ditubuhkan di bawah *National Health Services* (NHS) ini terdiri dari 20 orang kakitangan yang memberikan perkhidmatan kepada hampir 1.5 juta penduduk di kawasan sekitar Camden. Pemilihan lokasi pejabat juga dibuat dengan penuh teliti yang mempertimbangkan kedudukan yang strategik yang mudah dicapai melalui pelbagai pengangkutan awam. Ini dilakukan bagi memudahkan kanak-kanak yang ingin hadir ke Light House bagi mendapatkan bantuan atau khidmat nasihat. Organisasi ini juga mempunyai keupayaan untuk menyelaraskan koordinasi di kalangan pelbagai agensi kerajaan seperti pihak polis, perkhidmatan psikiatri dan perkhidmatan kesihatan.

Lawatan kerja ini telah dapat memenuhi objektif lawatan iaitu:

- i. Mempelajari amalan terbaik bagi mangsa/saksi kanak-kanak atau kanak-kanak yang terlibat dalam konflik perundangan; dan
- ii. Mengetahui strategi bagi memperkasakan latihan dan pengkhususan di kalangan pengamal undang-undang iaitu hakim, pendakwaraya dan peguam bela.

Sumber Kuasa Undang-undang berkaitan dengan *Child Victims and Witnesses in the Justice System* (jika ada)

1. Akta Polis 1967 (Akta 344)
2. Kanun Keseksaan (Akta 574)
3. Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593)
4. Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611)
5. Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521)
6. Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792)
7. Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670)
8. Akta Mahkamah Juvana 1947 (Akta 90)
9. Akta Keterangan 1950 (Akta 56)
10. Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 (Akta 676)
11. Akta Bantuan Guaman 1971 (Akta 26)
12. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588)

Garis Panduan Pelaksanaan Semasa berkaitan dengan Child Victims and Witnesses in the Justice System (jika ada, merujuk kepada Kementerian/ Jabatan/Agensi)

1. Arahan-Arahan Ketua Polis Negara/Timbangan ketua Polis Negara/Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah
2. Arahan Ketua Pengarah Imigresen
3. Peraturan-Peraturan Penjara 2000

Cabaran Pelaksanaan

1. Penggunaan sidang video semasa sesi perbicaraan merupakan amalan yang boleh dilaksana dan telah sedia dilaksanakan. Namun, keperluan untuk mempertingkatkan kemudahan teknologi serta kaedah rakaman kenyataan saksi kanak-kanak yang tidak berulang-kali merupakan perkara yang boleh dipertimbangkan bagi memastikan tahap psikologi kanak-kanak tidak terganggu.
2. Selain itu, latihan berterusan kepada pengamal undang-undang termasuklah hakim, pendakwaraya dan peguam bela dalam kes-kes yang melibatkan kanak-kanak perlu dipertingkatkan dan dipelbagaikan. Perkongsian oleh hakim dan *Queen Counsel* mengenai kaedah pembentukan soalan yang akan dikemukakan kepada kanak-kanak, pemakaian pakaian yang sesuai serta penggunaan pelbagai peralatan yang bersesuaian merupakan perkara yang perlu dipelajari.
3. Pihak penguatkuasa juga tidak terkecuali untuk diberikan latihan berterusan dalam menangani kes-kes berkaitan kanak-kanak. Anjakan pemikiran seperti tidak mengambil mudah aduan gangguan seksual atau penderaan seksual perlu dilakukan. Kaedah temubual saksi atau mangsa kanak-kanak dalam kes-kes sebegini juga perlu ditambahbaik dan disesuaikan dengan kaedah psikologi dan

kaunseling yang bersesuaian. Justeru, koordinasi antara agensi yang berkepakaran seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, PDRM dan Jabatan Kesihatan perlu dilakukan. Ini bagi membolehkan pelbagai skim perkhidmatan dapat memberikan bantuan perkhidmatan kepada kanak-kanak tersebut, sebagaimana yang dilakukan oleh *Light House*.

4. Bagi isu pengumpulan data/statistik pula, penempatan pegawai statistik di kementerian/jabatan/agensi juga perlu dipertimbangkan, namun akan melibatkan kos berkaitan pewujudan jawatan baru.

Cadangan Penambahbaikan

1. Pegawai yang mengendalikan rakaman kenyataan saksi/mangsa khususnya berkaitan kanak-kanak seperti pegawai PDRM perlu dilatih atau dilengkapi dengan pelbagai kaedah psikologi terutama psikologi kanak-kanak dalam usaha mendapatkan keterangan yang tepat daripada saksi/mangsa.
2. Pusat Latihan Kepolisian PDRM perlu menyenaraikan dalam jadual pembelajaran atau dalam kurikulum latihan polis bagi membangunkan kesedaran berhubung dengan pengurusan mangsa dan saksi kanak-kanak dalam kes jenayah agar mengurangkan perasaan trauma dan tekanan apabila temubual oleh polis. Anjakan pemikiran seperti tidak mengambil mudah aduan gangguan seksual atau penderaan seksual perlu dilakukan. Kaedah temubual saksi atau mangsa kanak-kanak dalam kes-kes sebegini juga perlu ditambahbaik dan disesuaikan dengan kaedah psikologi dan kaunseling yang bersesuaian.
3. Kewujudan agensi seperti *Victim Support* di Malaysia (jika ada), mungkin tidak diketahui secara jelas di kalangan masyarakat. Namun peranan tersebut ada dilakukan oleh pelbagai agensi kerajaan namun tidak diselaraskan. Justeru, dalam perspektif ini, penyelarasan perlu dilakukan oleh Kementerian

Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat (KPWKM) atau agensinya iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui kaedah pusat khidmat setempat (*one stop centre*) seperti Light House.

4. Sebagaimana yang dipelajari di ONS, penempatan pegawai statistik di kementerian/jabatan/agensi merupakan suatu inisiatif yang baik bagi memastikan penyelarasan statistik kepada agensi pusat iaitu Jabatan Perangkaan Malaysia. Selain itu, data/statistik yang dikeluarkan, perlu disertai dengan analisis yang membolehkan pihak berkepentingan mengambil tindakan yang tepat susulan data/statistik yang dikeluarkan. Sebarang kajian lapangan yang dibuat juga perlu lebih inklusif.
5. Penambahbaikan yang paling utama adalah latihan berterusan kepada pihak yang terlibat dalam *criminal justice system* bagi memastikan wujud kaedah pengendalian yang berbeza apabila melibatkan kes kanak-kanak. Pendekatan terhadap kanak-kanak perlu berbeza berbanding kaedah siasatan dan perundangan serta perbicaraan terhadap orang dewasa khususnya daripada aspek psikologi

Hal-hal Lain

Lawatan kerja ini sangat berfokus kepada pengendalian kanak-kanak dalam *criminal justice system*, justeru membolehkan peserta yang berkaitan terutama dalam bidang perundangan seperti hakim dan dalam bidang penguatkuasaan seperti PDRM mempelajari amalan terbaik agensi yang dilawati di United Kingdom.

Program lawatan kerja telah dirancang dengan baik oleh pihak urus setia. Sesi *pre-council* lawatan kerja sebelum ke UK, sesi *pre-council* lawatan kerja semasa di

UK dan sesi *de-briefing* yang dilakukan setelah selesai lawatan di UK membolehkan peserta lawatan memahami objektif lawatan dan berkongsi pandangan terhadap hasil lawatan kerja.


Disediakan:




Nama:

Cop Rasmi: **ABDUL SHAH BIN RAZALI**
KETUA PENOLONG SETIAUSAHA
BAHAGIAN KESELAMATAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Disemak/ Disahkan:



Nama: **DATO' HJ ABDUL HALIM BIN HJ ABDUL RAHMAN**
Cop Rasmi: **TIMPALAN KETUA SETIAUSAHA (KESELAMATAN)**
KEMENTERIAN DALAM NEGERI



BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA
JABATAN KESIHATAN AWAM (*PUBLIC HEALTH DEPARTMENT*)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(*MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA*)
Aras 7 & 8, BLOK E10, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590, Putrajaya.

LAMPIRAN D

Tel : 03-8883 3888
Faks : 03-8888 6150
E-mail : bpkk@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.500-5/2/11 Jld. 3 (25)

Tarikh : 17 Jun 2022

Nurul Fadhilah Ibharm
Bahagian Perhubungan Antarabangsa dan Protokol | *International Relations and
Protocol Division*
Parlimen Malaysia

Puan,

**Lawatan Sambil Belajar Ke United Kingdom Untuk Jawatankuasa Pilihan Khas
Wanita, Kanak-Kanak Dan Pembangunan Sosial, 23-26 Mei 2022**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara seperti di atas.

2. Bersama-sama ini disertakan laporan bagi perkara diatas yang telah disediakan oleh Dr. Zakiah bt Mohd Said, Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia yang telah sama-sama menyertai lawatan ini untuk makluman dan tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' DR. MOHAMED SAPIAN BIN MOHAMED) MMC 27276 NSR 127023

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

s/k:

Jing Rou Loh

Human Rights Officer to

YB Dato Seri Azalina Othman Said

**MANGSA KANAK-KANAK DAN SAKSI DALAM SISTEM KEADILAN
CHILD VICTIM AND WITNESSES IN THE JUSTICE SYSTEM**

Lawatan Sambil Belajar Ke United Kingdom Untuk Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-Kanak Dan Pembangunan Sosial, 23-26 Mei 2022

Laporan Ringkas

NAMA	Dr Zakiah bt Mohd Said
JAWATAN	Pakar Perubatan Kesihatan Awam
KEMENTERIAN/ JABATAN / AGENSI	Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia
NO TELEFON	03-88888888
EMAIL	drzakiah@kkm.gov.my
TARIKH LAPORAN	17 Jun 2022

Pemerhatian Utama Dari Lawatan Sambil Belajar

United Kingdom mempunyai sistem sokongan mangsa dan saksi kanak-kanak yang baik sepanjang proses perundangan. Ia bukan sahaja tentang kadar sabitan, sebaliknya apabila insiden sebegini terjadi kepada mana-mana kanak-kanak, mereka tahu bahawa sistem itu ada untuk menyokong mereka. Ini termasuklah *Victim Support Centre, Metropolitan Police London* dan *The Lighthouse* yang menjadi antara agensi yang bertanggungjawab dalam sistem sokongan ini

Lawatan ke *Office Of National Statistics (ONS) & Inclusive Data Taskforce* pula mendapati jabatan ini menjalankan analisa data mengikut keperluan spesifik agensi / jabatan. *ONS* adalah merupakan agensi yang *independence* yang akan mengeluarkan maklumat dan hasil analisa tanpa tekanan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun, *ONS* bertanggungjawab untuk mengeluarkan hasil laporan di England sahaja dan tidak meliputi keseluruhan United Kingdom. Hasil laporan ini akan dijadikan asas kepada sebarang perubahan polisi yang ingin dijalankan oleh jabatan / agensi.

Sebagai peserta yang mewakili Kementerian Kesihatan Malaysia, kami mendapati lawatan ke *The Lighthouse* memberikan sedikit persamaan dengan fungsi kesihatan dalam kes penderaan seksual kanak-kanak di Malaysia. *One Stop Crisis Centre* adalah pusat sehati yang terdapat di seluruh hospital di Malaysia yang berperanan dalam memberikan bantuan kepada mangsa penderaan secara menyeluruh yang meliputi bantuan perubatan, sosial / keselamatan serta tempat perlindungan sementara. Terdapat beberapa perbezaan di antara kedua-dua sistem ini

	<i>The Light House</i>	<i>One Stop Crisis Centre (OSCC) Malaysia</i>
Tahun penubuhan	2018	1993
Objektif penubuhan	Pusat sehati bagi mangsa penderaan yang ingin mendapatkan intervensi lanjut seperti sokongan terapi, sokongan sosial, bantuan rawatan dan perkhidmatan kaunseling. <i>The Lighthouse</i> menjadi penghubung kepada perkhidmatan yang diperlukan.	Pusat sehati yang memberikan perkhidmatan yang komprehensif meliputi rawatan perubatan dari pelbagai disiplin klinikal, perkhidmatan sokongan sosial / keselamatan dan bantuan tempat perlindungan sementara. Di Malaysia, sebarang kes penderaan yang disyakki, (<i>medicolegal cases</i>) perlu dilaporkan kepada pihak berkuasa dan menjalani penilaian kesihatan dan perubatan sebelum tindakan perundangan selanjutnya.
Akses perkhidmatan	<i>North England</i>	Seluruh negeri, Malaysia
Perkhidmatan yang diberikan	<ul style="list-style-type: none"> - Penilaian kes dan menyediakan pelan pengendalian masalah (<i>care plan</i>) dengan <i>provider</i> yang terlibat - Saringan dan rawatan kesihatan - Khidmat nasihat / kaunseling - Perkhidmatan sokongan sosial - Menyediakan ruang / kawasan bagi aktiviti terapi - Rujukan ke hospital jika diperlukan - 	<ul style="list-style-type: none"> - Menyediakan perkhidmatan saringan dan pemeriksaan kesihatan secara holistik yang melibatkan pelbagai kepakaran klinikal - Menyediakan bahan bukti forensik - Melakukan penyiasatan perubatan seperti ujian makmal yang berkaitan - Menghubungi pihak polis bagi urusan proses perundangan - Menghubungi <i>NGO</i> yang berkaitan bagi urusan perlindungan sementara

		(melalui proses / SOP standard) - Rawatan susulan bagi mangsa penderaan
Peruntukan	Dari badan kerajaan seperti <i>Mayor's Office for Policing and Crime, NHS England</i> dan <i>the Department for Education</i> . Peruntukan ini adalah untuk tempoh tertentu berdasarkan terma kontrak peruntukan	- Kerajaan (Kementerian Kesihatan Malaysia) - Dibawah belanja mengurus sedia ada Kementerian bagi setiap tahun

Sumber Kuasa Undang-Undang Berkaitan Dengan Child Victims And Witnesses In The Justice System (Jika Ada)

Di bawah undang-undang Malaysia, **Akta Kanak-kanak 2001**, doktor, ahli keluarga dan penjaga kanak-kanak adalah tiga kumpulan yang dipertanggungjawabkan untuk melaporkan dengan segera jika mengesyaki kanak-kanak telah didera secara fizikal, atau emosi akibat dari penderaan yang teruk, pengabaian, terbiar atau terdedah, atau didera secara seksual kepada pegawai pelindung Jabatan Kebajikan Masyarakat (Jabatan Kebajikan Masyarakat).

Garis Panduan Pelaksanaan Semasa Berkaitan Dengan Childs Victim and Witnesses In The Justice System (Jika Ada Merujuk Berkaitan Dengan Kementerian / Agensi / Jabatan)

- Tiada

Cabaran pelaksanaan

- Kekurangan sumber manusia (kepakaran klinikal di hospital) yang menyebabkan kelewatan dalam pengurusan kes
- Kakitangan yang kerap bertukar dan memerlukan latihan yang berterusan

Cadangan penambahbaikan

- Latihan berterusan dengan komitmen bajet tahunan
- Memperluaskan akses bagi bantuan kepada mangsa penderaan kanak-kanak samada akses perubatan, sosial dan tempat perlindungan
- Kesedaran kepada masyarakat mengenai akses yang ada untuk mendapatkan bantuan jika mengalami / mendapat laporan kes penderaan kanak-kanak

Hal-hal lain

- Tiada

Disediakan oleh :



Dr Zakiah bt Mohd Said

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga,

Kementerian Kesihatan Malaysia

16 Jun 2022

DR. ZAKIAH BINTI MOHD SAID (MMC 36215)
Ketua Penolong Pengarah Kanan UD56
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Disemak/Disahkan oleh:



Dato' Dr Hj Mohamed Sopian bin Hj Mohamed

Pengarah

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Kementerian Kesihatan Malaysia

17 Jun 2022

Mangsa Kanak-kanak dan Saksi Dalam Sistem Keadilan
Child Victims and Witnesses in the Justice System

Lawatan Sambil Belajar ke United Kingdom untuk Jawatankuasa
Pilihan Khas Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial 23 – 26
Mei 2022

Laporan Ringkas

Nama : Mohd Azahari bin Mohd Daut
Jawatan : Ketua Penolong Pengarah Kanan
Kementerian/ Jabatan/ Agensi : Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Jabatan Kebajikan Masyarakat
No. telefon : 010-2525222
E-mel : azahari@jkm.gov.my
Tarikh laporan : 7 Jun 2022

Pemerhatian Utama daripada Lawatan Sambil Belajar

- 1) Perkhidmatan sokongan mangsa dan saksi kanak-kanak di UK dilaksanakan oleh badan bebas yang memberikan perkhidmatan sokongan kepada mereka yang terjejas disebabkan oleh jenayah dan insiden traumatik di England dan Wales terutamanya golongan rentan termasuklah kanak-kanak.
- 2) *Victim Support* memberikan perkhidmatan untuk membantu, memulih dan memperkasakan mereka yang terkesan agar suara mereka didengari tidak kira sama ada mereka telah melaporkan jenayah itu kepada polis atau apabila ia berlaku dan selama mana ia diperlukan (*regardless of whether they have reported the crime to the police or when it occurred and for as long as it is needed*).
- 3) Badan ini memperoleh dana pengurusan daripada Pesuruhjaya Polis dan Jenayah (*Police and Crime Commissioners*) serta badan berkanun dan bukan berkanun lain.

- 4) Selain daripada dana tersebut, badan ini menjana pendapatan sendiri menerusi derma dan sumbangan rakan kongsi korporat, amanah dan yayasan amal serta badan pemberi geran lain bagi pelaksanaan projek dan program yang dilaksanakan.
- 5) Perkhidmatan sokongan diberikan oleh sukarelawan yang mahir daripada komuniti setempat.
- 6) Projek rintis *Lighthouse* dilihat mengintegrasikan semua perkhidmatan sokongan mangsa dan saksi terutamanya kepada kanak-kanak di bawah satu bumbung dengan menghimpunkan semua sukarelawan / petugas daripada pelbagai bidang kepakaran seperti pekerja sosial, psikologis dan jururawat.
- 7) Premis yang mesra kanak-kanak dengan pelbagai kemudahan yang kondusif dapat menjadikan kanak-kanak selesa dan tenteram seterusnya memudahkan proses membantu / sokongan kepada kanak-kanak oleh sukarelawan / petugas daripada pelbagai bidang disiplin.

Sumber kuasa undang-undang berkaitan dengan Child Victims and Witnesses in the Justice System (Jika ada)

- 1) Di Malaysia terdapat satu akta iaitu Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 (Akta 676) yang berhubungan dengan pemberian keterangan oleh saksi kanak-kanak, dan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.
- 2) Selain itu, Akta Kesalahan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 turut menyentuh berkaitan perkhidmatan sokongan kepada kanak-kanak di Malaysia.

Garis panduan pelaksanaan semasa berkaitan dengan Child Victims and Witnesses in the Justice System (jika ada, merujuk kepada Kementerian/ Jabatan Agensi)

Bagi menjamin kerjasama inter-agensi, satu dokumen kerjasama antara agensi bagi perkhidmatan sokongan saksi kanak-kanak telah dibangunkan pada tahun 2011 bagi menyokong dan membantu melaksanakan program kerja melibatkan :

- i) Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri.
- ii) Polis Diraja Malaysia.
- iii) Timbalan Pendakwa Raya.
- iv) Mahkamah.
- v) Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Cabaran pelaksanaan

Antara cabaran Perkhidmatan Khidmat Sokongan Saksi Kanak-kanak (WSS) di Malaysia:

- i) Peruntukan kewangan yang terhad bagi pembayaran elaun petugas WSS yang di tempatkan di mahkamah.
- ii) Kadar pusing ganti (*turnover*) yang tinggi bagi petugas WSS memandangkan lantikan petugas adalah lantikan sementara – Tiada struktur perjawatan khusus bagi petugas WSS memandangkan perkhidmatan ini kurang digunakan / dipohon oleh pihak pendakwaan ataupun peguam.
- iii) Peruntukan kewangan yang terhad bagi penyediaan kemudahan dan kelengkapan bilik khidmat saksi kanak-kanak di mahkamah.
- iv) Ruangan di mahkamah yang terhad dan ada sesetengah mahkamah tiada ruangan bagi penyediaan bilik khidmat saksi kanak-kanak.

v) Kesedaran pihak pendakwaan untuk merujuk kes yang bersesuaian bagi perkhidmatan WSS.

Cadangan penambahbaikan

- 1) Tugas penyedia perkhidmatan sokongan mangsa (bagi golongan rentan termasuk kanak-kanak) dikendalikan oleh satu badan atau NGO bebas yang dipantau oleh kementerian / agensi kerajaan berkaitan.
- 2) Kementerian / agensi kerajaan berkaitan menyediakan dana pengoperasian dan logistik untuk tempoh 5 tahun dan akan dinilai bagi kesinambungan perkhidmatan seterusnya.
- 3) Sokongan dana juga dicadangkan menerusi sektor korporat sebagai salah satu tanggungjawab sosial (*Corporate Social Responsibility* (CSR).
- 4) Sokongan daripada pihak mahkamah bagi penyediaan bilik / ruang WSS di setiap mahkamah.
- 5) Pekerja sosial yang lebih profesional dapat disediakan bagi perkhidmatan sokongan kanak-kanak menerusi penggubalan Rang Undang-undang Profesion Sosial sebagai salah satu penyedia perkhidmatan dalam khidmat sokongan ini.
- 6) Pengintegrasian modul latihan dan pengisian intervensi serta SOP melibatkan pelbagai agensi seperti pihak mahkamah, JKM, PDRM, Suruhanjaya Kanak-kanak dan NGO berkaitan boleh dibangunkan bagi keseragaman perkhidmatan sokongan mangsa.
- 7) Perlu mengambil kira keperluan perkhidmatan sokongan bagi kanak-kanak dengan keperluan khas (Kanak-kanak OKU) memandangkan kanak-kanak daripada kategori ini turut terlibat sebagai saksi atau mangsa kes jenayah.

8) Mengambil kira Seksyen 28 Akta Keadilan Belia dan Keterangan Jenayah 1999 (*Section 28 of the Youth Justice and Criminal Evidence Act 1999, United Kingdom*) ianya membolehkan rakaman keterangan dan pemeriksaan balas sebelum perbicaraan, tertakluk kepada budi bicara kehakiman. Ia terpakai kepada pengadu yang terdedah kepada jenayah (biasanya dirujuk sebagai mangsa) dan saksi, tanpa mengira kesalahan, dan termasuk:

- i) Semua saksi kanak-kanak.
- ii) Mana-mana saksi yang kualiti keterangannya mungkin berkurangan disebabkan mereka:
 - a. Sedang mengalami gangguan mental.
 - b. Mempunyai gangguan kecerdasan dan fungsi sosial yang ketara
 - c. Mempunyai kecacatan fizikal atau mengalami gangguan fizikal.
- iii) Di UK, penyediaan perkhidmatan telah mendapat sokongan sepenuhnya oleh badan kehakiman, persatuan profesional undang-undang, dan perkhidmatan sokongan mangsa dan saksi.


Hal-hal lain

- 1) Khidmat sokongan ini perlu dilaksanakan bagi memberikan perkhidmatan kepada kanak-kanak dan golongan rentan terutama kepada mereka yang menjadi mangsa dan saksi kes jenayah.
- 2) Menerusi perkhidmatan ini nanti, mangsa atau saksi akan

mendapat perkhidmatan pakar daripada petugas / sukarelawan dengan pelbagai disiplin termasuk pekerja sosial.

- 3) Perkhidmatan ini juga menyediakan akses kepada keadilan pemulihan serta menyampaikan sokongan pra-perbincaraan untuk saksi pendakwaan dan pembelaan.

Disediakan :



.....
Mohd Azahari bin Mohd Daut
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Perancangan dan Pembangunan
Jabatan Kebajikan Masyarakat

Tarikh : 14 / 6 / 2022 .

Disemak



.....
Cop rasmi: RBS MAHWATI BINTI ISHAK
Timbalan Ketua Pengarah (Strategik)
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Malaysia

Tarikh : 16/6/2022


Gambar-gambar ruangan kanak-kanak di Lighthouse, Greenland Place, Camden Town, London yang boleh diwujudkan bagi perkhidmatan sokongan di Malaysia.




Bilik pemeriksaan dan rawatan kesihatan kanak-kanak



Ruang sesi bagi khidmat sokongan kanak-kanak



Ruang sesi bagi khidmat sokongan kanak-kanak





Ruangan bagi keselesaan emosi kanak-kanak



Mangsa Kanak-Kanak dan Saksi Dalam Sistem Keadilan
Childs Victims and Witnesses in the Justice System

Lawatan Sambil Belajar ke United Kingdom untuk Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita,
 Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial 23-26 Mei 2022

Laporan Ringkas

Nama	Izyan Hazwani Binti Ahmad
Jawatan	Ketua Penolong Setiausaha
Kementerian/Jabatan/Agensi	Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak (OCC) Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
No.Telefon	-----
Emel	-----
Tarikh Laporan	8 Jun 2022

Pemerhatian Utama daripada Lawatan Sambil Belajar

Lawatan ke National Crime Agency (NCA) dan mesyuarat bersama Internet Watch Foundation (IWF) dan We Protect Alliance

National Crime Agency (NCA)

1. Walaupun National Crime Agency (NCA) mempunyai bidang tugas yang hampir sama dengan Polis UK iaitu antara lain menangkap penjenayah yang melakukan jenayah penderaan seksual terhadap kanak-kanak (CSA) secara dalam talian, mereka berjaya menangani isu pertindihan bidang kerja. Mereka tidak mempunyai undang-undang spesifik yang menyatakan bidang tugas masing-masing. Walaubagaimanapun, secara umum, agensi mereka masing-masing maklum bahawa NCA menangani jenayah yang lebih serius seperti sindiket jenayah terancang dan apa-apa jenayah yang memberi ancaman kepada keselamatan negara UK, sementara Polis UK lebih bersifat tempatan dan berskala kecil.
2. Begitupun, sekiranya terdapat pertindihan bidang kerja, NCA dan Polis UK menangani isu secara administratif iaitu melalui perbincangan bersama.
3. Cabaran terbesar NCA adalah skala yakni jumlah penjenayah kes CSA secara dalam talian yang besar, di mana NCA perlu mengenalpasti bukti jenayah untuk mendakwa penjenayah. Justeru itu, NCA sedang mencari jalan untuk mengatasi kelompongan dalam sistem kerja mereka, dan mereka kini sedang dalam usaha membina kapasiti dalam bidang forensik digital.
4. NCA mempunyai rakan kongsi yang pelbagai dengan jaringan kerjasama yang kukuh untuk memastikan kelangsungan gerak kerja NCA dalam menjaga dan memelihara keselamatan kanak-kanak UK.
5. NCA mempunyai program pendidikan bernama "*Thinkuknow*". Sejak 2006,

“Thinkuknow” telah menyediakan pendidikan berhubung penderaan seksual dan eksploitasi seksual melalui *website* kepada kanak-kanak, orang muda, ibu bapa, penjaga, dan golongan professional yang bekerja dengan/untuk kanak-kanak.

6. NCA turut mempunyai unit khas yang bertanggungjawab mengurus/melayani keperluan kanak-kanak rentan seperti kanak-kanak kurang upaya.

Internet Watch Foundation (IWF)

7. Perbezaan terbesar antara Internet Watch Foundation (IWF) dengan NCA/Polis UK ialah NCA/Polis UK bertanggungjawab menangkap penjenayah CSA dan melindungi mangsa kanak-kanak, sementara IWF bertanggungjawab memadam kandungan CSA sama ada yang berbentuk gambar/ video di mana jua ia berada di dunia alam maya.
8. Bidang tugas di mana NCA/Polis UK bertindih dengan IWF ialah pada pengecaman mangsa kerana kedua agensi perlu mengecam mangsa CSA dan ia merisikokan mereka membuat kerja yang sama. Cuma skala kerja NCA/Polis adalah lebih besar berbanding IWF yang tertumpu kepada mengarahkan syarikat teknologi yang dilantik untuk memadam kandungan CSA dari internet.
9. IWF mempunyai Memorandum Persefahaman (MOU) bersama Majlis Ketua Polis Negara dan Pejabat Pendakwaan supaya kakitangan IWF dilindungi daripada pendakwaan, kerana terlibat mengurus bahan-bahan CSA.
10. IWF tidak hanya duduk diam, menunggu kes dirujuk kepada mereka. Sebaliknya mereka aktif mencari bahan-bahan CSA di internet dari seluruh dunia untuk dipadam.
11. IWF melaporkan 99% imej CSA menampilkan kanak-kanak perempuan – berlaku peningkatan dari tempoh 10 tahun lalu yang merekodkan sebanyak 65%.
12. Sejak 2 tahun lalu, IWF Reporting Portal London cuma menerima sejumlah 164 laporan dari IWF Reporting Portal Malaysia. Ia berlaku mungkin kerana masyarakat takut melapor jenayah CSA yang diketahui selain faktor kurang kesedaran hak kanak-kanak.

We Protect Alliance

13. Malaysia belum lagi menjadi sebahagian daripada gabungan We Protect Alliance. We Protect Alliance ialah organisasi bebas, yang dibiayai oleh Kerajaan UK. Misinya ialah untuk mengumpulkan kerajaan, sektor swasta, masyarakat sivil dan organisasi antarabangsa untuk membangunkan dasar dan penyelesaian untuk melindungi kanak-kanak daripada eksploitasi dan penderaan seksual dalam talian.
14. Antara kelebihan jika Malaysia menyertai gabungan ini ialah: (a) Malaysia akan menjadi sebahagian daripada gabungan global yang berbincang dan mencari penyelesaian untuk isu CSA; (b) Malaysia boleh mendengar perkongsian pengalaman oleh negara luar berhubung cara mereka menangani CSA dan bertukar-tukar pandangan berkenaan isu.

Mesyuarat bersama Victim Support UK (VS)

15. UK mempunyai banyak NGO/organisasi yang menyediakan sistem sokongan kepada mangsa dan saksi kanak-kanak yang terkesan akibat jenayah CSA, antaranya ialah Victim Support UK (VS).
16. VS menyediakan pelbagai perkhidmatan sokongan kepada kanak-kanak dan orang muda antaranya untuk kes jenayah pelbagai, penderaan rumah tangga, penderaan seksual, *hate crime*, keganasan remaja yang serius, kes bunuh, perkhidmatan kepada saksi muda dan depresi/tekanan perasaan akibat kes bunuh diri.
17. VS juga menyediakan sistem sokongan kepada saksi kanak-kanak ketika pendengaran

kes, sebelum perbicaraan, dan selepas perbicaraan di Mahkamah.

Perbincangan Meja Bulat berhubung Isu Mangsa Kanak-Kanak dan Saksi Dalam Sistem Keadilan

18. Terdapat jurang perbezaan antara undang-undang Malaysia dengan undang-undang England dan Wales dalam isu mangsa kanak-kanak dan saksi dalam sistem keadilan:
 - a) Malaysia masih memerlukan pengesahan keterangan saksi bawah 16 tahun bagi kes bukan seksual, manakala sebaliknya bagi England & Wales.
 - b) Terdapat Mekanisme Khas ("*Special Measures*") diperuntukkan dalam Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak Malaysia 2007 [Akta 676] bagi kanak-kanak yang memberi keterangan, namun ia terhad kepada kanak-kanak berumur di bawah 16 tahun dan mangsa kanak-kanak sahaja. Kanak-kanak yang dituduh melakukan kesalahan dikecualikan daripada "*Special Measures*" tersebut menurut Seksyen 2 Akta 676.
 - c) Sementara undang-undang di England & Wales tidak mengecualikan pesalah kanak-kanak untuk diberikan "*Special Measures*", yakni sama ada kanak-kanak merupakan mangsa, saksi atau pesalah, mereka berhak kepada "*Special Measures*". Selain itu, semua saksi berumur 18 tahun ke bawah pada masa pendengaran dan rakaman video adalah layak mendapat "*Special Measures*".
 - d) *The England & Wales Youth Justice and Criminal Evidence Act (YJCEA) 1999* memperuntukkan beberapa mekanisme yang sangat baik dan *child-friendly* untuk mendapatkan pembuktian daripada kanak-kanak berbanding Akta 676.
 - e) YJCEA adalah lebih menepati prinsip hak kanak-kanak seperti yang terkandung di dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak 1989 (CRC) berbanding Akta 676, kerana definisi umur kanak-kanak dalam YJCEA ialah 18 tahun ke bawah berbanding Akta 676 iaitu 16 tahun ke bawah.
 - f) Malaysia tidak mempunyai perundangan yang menampung keperluan Defendan rentan, sementara England dan Wales ada. Walaupun YJCEA 1999 tidak menyediakan peruntukan sebegitu untuk Defendan, Kaedah Prosedur Jenayah (Criminal Procedure Rules) England & Wales sekarang memperuntukkannya. UK bertegas bahawa perbicaraan yang adil mestilah tersedia untuk Defendan.
19. Perundangan Malaysia, dan England & Wales mempunyai matlamat yang sama iaitu komitmen untuk mengangkat hak asasi kanak-kanak dan falsafah dalam menangani kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang sebagai 'kanak-kanak dahulu dan pesalah kemudian' (*children first and offenders second*). Oleh itu, kaedah yang bersesuaian hendaklah dilaksanakan di semua Mahkamah Bagi Kanak-kanak di Malaysia supaya matlamat di atas dapat dicapai.
20. Satu lokasi yang menyediakan ruang selamat dan mesra kanak-kanak untuk tujuan temubual kanak-kanak, supaya rakaman awal perbicaraan terhadap kanak-kanak tidak dibuat di Mahkamah, merupakan satu idea yang bagus untuk dilaksanakan.
21. Malaysia wajar menghapuskan keperluan pengesahan (*requirement of corroboration*) atau amaran terhadap kebolehpercayaan keterangan kanak-kanak sebelum pensabitan.

Lawatan ke Old Bailey, Mesyuarat bersama Perkhidmatan Pendakwaan, Polis Metropolitan London dan Majlis Keadilan Orang Muda

Polis Metropolitan London

22. Dahulunya dinamakan Perkhidmatan Polis Metropolitan (MPS) dan masih dikenali sebagai Polis Metropolitan (dan secara tidak rasmi sebagai *Met Police*, *The Met*, *Scotland Yard*, atau *Yard*), ialah pasukan polis wilayah yang bertanggungjawab untuk pencegahan jenayah dan penguatkuasaan undang-undang di Greater London.
23. *The Met* diasaskan pada tahun 1892 dan merupakan perkhidmatan polis terbesar di UK dan salah satu yang terbesar di dunia. Secara geografi, ia meliputi 609 batu persegi (0.6% daripada UK). Ia juga menyumbang 25% daripada bajet kepolisan negara dan 25% daripada pegawai polis UK
24. Apabila membuat siasatan/temubual bersama saksi rentan iaitu kanak-kanak, *The Met* akan melaksanakan "*Special Measures*" seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 28 YJCEA 1999. Polis UK juga akan mematuhi: (i) *The young witness protocols*; (ii) *The Victims' Code*; dan (iii) *The 12 Rights*.

Lawatan ke Lighthouse

25. *Lighthouse* ialah ruang selamat untuk kanak-kanak dan orang muda yang mengalami penderaan seksual. Ia adalah tempat di mana kanak-kanak, orang muda, dan keluarga berasa didengari dan diberi sokongan.
26. *Lighthouse* menyediakan ruang untuk kanak-kanak bercerita tentang apa yang telah berlaku terhadap diri mereka. Sekiranya kanak-kanak berasa takut atau bersendirian, pasukan *Lighthouse* akan membantu. *Lighthouse* menyediakan perkhidmatan peguam, doktor, jururawat, ahli psikologi secara percuma, dan memberi ruang pengumpulan bukti yang diambil dari keterangan kanak-kanak untuk dibawa ke Mahkamah dilaksanakan secara mesra kanak-kanak
27. *Lighthouse* mempunyai konsep yang unik kerana para profesional dari bidang kesihatan, penjagaan sosial, perkhidmatan terapeutik, dan polis semuanya ditempatkan bersama di bawah satu bumbung. Konsep ini memberi manfaat kepada kanak-kanak kerana kanak-kanak tidak perlu menceritakan kisah mereka berkali-kali kepada ramai profesional di agensi yang berbeza. Ia meminimumkan kelewatan masa dalam merujuk kanak-kanak ke agensi lain kerana semua orang berada di bangunan yang sama.
28. Sebagai penutup, *Lighthouse*:
 - (a) membenarkan kanak-kanak berkongsi pengalaman traumatik mengikut cara kanak-kanak;
 - (b) memastikan kanak-kanak yakin bahawa mereka didengari;
 - (c) menyediakan kursus *psycho-education* kepada ibu bapa mangsa kanak-kanak;
 - (d) mempunyai dua peranan unik, iaitu, sebagai pegawai perhubungan penjagaan sosial dan pegawai perhubungan polis;
 - (e) menyediakan sokongan emosi kepada mangsa kanak-kanak dan keluarga; dan
 - (f) membantu menjayakan proses sistem keadilan jenayah yang terbaik.

Sumber Kuasa Undang-undang berkaitan dengan *Childs Victims and Witnesses in the Justice System* (jika ada)

A. Isu Pendamping Guaman

1. Berdasarkan **Seksyen 29H Akta Bantuan Guaman 1971**, mangsa dan saksi kanak-kanak kes penderaan seksual layak membuat permohonan kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman bagi khidmat pendamping guaman.
2. Berdasarkan **Seksyen 29H (1)(b) Akta Bantuan Guaman 1971**, mangsa dan saksi kanak-kanak kes penderaan seksual layak membuat permohonan kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman bagi khidmat pendamping guaman jika mangsa masih seorang kanak-kanak pada masa prosiding dimulakan.

** Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 2017 adalah dilampirkan*

B. Isu Bayaran Khidmat Pendamping Guaman.

1. Berdasarkan **Peraturan 3(1) dan Jadual Kedua, Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman (Fi & Sumbangan) 2017**, khidmat pendamping guaman adalah bercaj dan ibu bapa atau penjaga kanak-kanak perlu membuat bayaran sumbangan kepada Jabatan Bantuan Guaman.

**Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman (Fi & Sumbangan) 2017 adalah dilampirkan*

C. Kanak-kanak Mangsa Rogol dituduh di bawah Seksyen 302 KK

1. Berdasarkan **Seksyen 375(g) Kanun Keseksaan**, seorang perempuan bawah 16 tahun adalah dianggap tidak mampu untuk memberikan persetujuan untuk melakukan persetubuhan badan. Justeru, kanak-kanak yang berumur 15 tahun yang melakukan hubungan seksual adalah dianggap telah dirogol di sisi undang-undang.
2. Apabila kanak-kanak merupakan mangsa rogol, **Perkara 19 dan 34 CRC** terpakai di mana Malaysia selaku negara pihak kepada konvensyen hendaklah memberikan perlindungan kepada kanak-kanak yang merupakan mangsa eksploitasi seksual.

Garis Panduan Pelaksanaan Semasa berkaitan dengan *Childs Victims and Witnesses in the Justice System* (jika ada, merujuk kepada Kementerian/Jabatan/Agensi)

A. Isu Pendamping Guaman

1. SOP terkini dari Jabatan Bantuan Guaman ialah sekiranya pada waktu permohonan mangsa telah berusia melebihi 18 tahun, mangsa tidak lagi layak untuk diberikan khidmat pendamping guaman iaitu secara spesifiknya khidmat perwakilan mangsa di Mahkamah.

**SOP terkini oleh Jabatan Bantuan Guaman adalah dilampirkan*

B. Isu Bayaran Khidmat Pendamping Guaman

1. SOP terkini dari Jabatan Bantuan Guaman menyatakan pengecualian fi dan sumbangan khidmat pendamping guaman boleh diberikan dalam keadaan kes dirujuk oleh mana-mana Pegawai Pelindung yang dilantik melalui pemberitahuan dalam warta.

**rujuk SOP terkini oleh Jabatan Bantuan Guaman yang dilampirkan*

2. Kanak-kanak Mangsa Rogol dituduh di bawah Seksyen 302 KK

1. Merujuk kepada kes kanak-kanak perempuan Kemaman berumur 15 tahun yang didakwa membunuh bayi lelaki baru dilahirkannya pada awal Februari 2022, kanak-kanak telah dituduh di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Cabaran Pelaksanaan

A. Isu Pendamping Guaman

1. Jenayah penderaan seksual terhadap mangsa berlaku ketika mangsa masih kanak-kanak dan prosiding pendakwaan terhadap tertuduh juga dilaksanakan ketika mangsa masih kanak-kanak iaitu 17 tahun. Berdasarkan peruntukkan **Seksyen 29H (1)(b) Akta Bantuan Guaman 1971**, mangsa layak mendapatkan khidmat pendamping guaman kerana mangsa masih seorang kanak-kanak pada masa prosiding dimulakan. Justeru itu, adalah menghairankan bagaimana SOP terkini Jabatan Bantuan Guaman tidak selaras dengan peruntukan di dalam Akta Bantuan Guaman 1971.

B. Isu Bayaran Khidmat Pendamping Guaman

1. Tiada peruntukan dinyatakan dalam Akta Bantuan Guaman 1971 berhubung pengecualian fi dan sumbangan khidmat pendamping guaman dalam keadaan kes dirujuk oleh mana-mana Pegawai Pelindung yang dilantik melalui pemberitahuan dalam warta.

C. Kanak-kanak Mangsa Rogol dituduh di bawah Seksyen 302 KK

1. Bagi kes kanak-kanak perempuan Kemaman tersebut, Jabatan Peguam Negara memaklumkan mereka masih dalam peringkat menilai semula pertuduhan dan menekankan cabaran mereka ialah demi menjamin keadilan kepada semua pihak bukan sahaja melibatkan hak kanak-kanak tetapi hak masyarakat atau orang awam.

Cadangan Penambahbaikan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas

A. Isu Pendamping Guaman

1. Syor supaya SOP oleh Jabatan Bantuan Guaman selaras dengan peruntukan di dalam Akta Bantuan Guaman 1971.
2. Sewajarnya khidmat pendamping guaman diberikan secara automatik kepada semua mangsa dan saksi kanak-kanak kes penderaan seksual dan perintah tersebut hendaklah terus diberikan Mahkamah sebaik pertuduhan dibacakan.

B. Isu Bayaran Khidmat Pendamping Guaman

1. Syor supaya pengecualian fi dan sumbangan dinyatakan di dalam Akta Bantuan Guaman 1971 supaya lebih ramai keluarga mangsa kurang berkemampuan akan

tampil memohon JKM merujuk kes ahli keluarga mereka kepada Jabatan Bantuan Guaman untuk khidmat pendamping guaman secara percuma.

C. Kanak-kanak Mangsa Rogol dituduh di bawah Seksyen 302 KK

1. Syor supaya bagi kes sebegini, mangsa tidak dituduh dengan hukuman membunuh. Hal ini kerana mendakwa kanak-kanak di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan sedangkan kanak-kanak juga adalah mangsa merupakan satu tindakan yang bertentangan dengan CRC. '*Special Measures*' adalah terpakai dalam kes sebegini.

D. Keperluan Pindaan Undang-undang Malaysia

1. Syor pindaan dibuat ke atas Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak Malaysia 2007 [Akta 676] yang masih menuntut pengesahan keterangan saksi bawah 16 tahun bagi kes bukan seksual.
2. Syor pindaan ke atas Akta 676 supaya memperuntukkan Mekanisme Khas ("*Special Measures*") bagi kanak-kanak yang memberi keterangan, kepada kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun dan untuk turut merangkumi pesalah kanak-kanak/defendan.
3. Akta 676 tidak wajar mengecualikan pesalah kanak-kanak untuk diberikan "*Special Measures*". Semua kanak-kanak sama ada mangsa, saksi atau pesalah berhak kepada "*Special Measures*". Pindaan juga perlu dibuat pada Akta 676 supaya semua saksi berumur 18 tahun ke bawah pada masa pendengaran dan rakaman video layak mendapat "*Special Measures*".
4. Akta 676 hendaklah dipinda supaya mempunyai peruntukan yang menyediakan mekanisme yang *child-friendly* untuk mendapatkan keterangan daripada kanak-kanak seperti The England & Wales Youth Justice and Criminal Evidence Act (YJCEA) 1999.
5. Syor supaya definisi kanak-kanak di dalam Akta 676 selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak 1989 (CRC) iaitu umur kanak-kanak ialah 18 tahun ke bawah dan bukan 16 tahun ke bawah.
6. Keperluan untuk mewujudkan peruntukan dalam Kanun Tatacara Jenayah berhubung keperluan Defendan rentan (*vulnerable Defendant*). Penekanan bahawa perbicaraan yang adil mestilah tersedia untuk Defendan.

Cadangan Khusus Untuk Agensi

OCC mendapati bahawa Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak England merupakan salah satu agensi yang telah menyumbang kepada penubuhan *Lighthouse*, dan OCC merasakan OCC harus turut menyumbang memperkenalkan model Barnahus kepada rakyat Malaysia.

~~OCC merancang untuk menghubungi Mrs Emma dari *Lighthouse* untuk mendapatkan butiran lanjut bagaimana Pesuruhjaya Kanak-Kanak England telah membantu Mrs Emma untuk~~

OCC merancang untuk menghubungi Mrs Emma dari *Lighthouse* untuk mendapatkan butiran lanjut bagaimana Pesuruhjaya Kanak-Kanak England telah membantu Mrs Emma untuk menubuhkan *Lighthouse*.

OCC telah membuat pengesyoran kepada UNICEF untuk menghubungkan OCC dengan Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak England dan pasukan Iceland untuk sesi perkongsian maya mengenai model Barnahus.

OCC ingin melihat bagaimana model Barhanus boleh dipandu di Malaysia dan disesuaikan dengan sistem perundangan Malaysia, untuk membantu meningkatkan kadar pendakwaan ke atas pesalah jenayah penderaan seksual terhadap kanak-kanak.

Disediakan:



Nama:

Cop Rasmi:

IZYAN HAZWANI BINTI AHMAD
Ketua Penolong Setiausaha
Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
(SUHAKAM)

Disemak/ Disahkan:



Nama:

Cop Rasmi:

DR.CHEAH SWEE NEO
Setiausaha
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)



**PENGERUSI JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
HAL EHWAL WANITA DAN KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PENERANG**

Pejabat Jawatankuasa Pilihan Khas
Jalan Parlimen
50680 KUALA LUMPUR

Telefon : 03- 2601 7175 / 03-2601 7102
Faks : 03- 2601 7161
e-mel : jkpk.dr@parlimen.gov.my

**Mangsa Kanak-Kanak dan Saksi Dalam Sistem Keadilan
*Child Victims and Witnesses in the Justice System***

Lawatan Sambil Belajar ke United Kingdom untuk Jawatankuasa Pilihan Khas
Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial 23-26 Mei 2022

Laporan Ringkas

Nama	SAC Mohamad Zainal B. Abdullah	SUPT Wong Pooi Lin
Jawatan	Ketua Penolong Pengarah Pendakwaan / Undang-Undang (D5)	Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Wanita dan Kanak-kanak (D11)
Kementerian/	Kementerian Dalam Negeri	Kementerian Dalam Negeri
Jabatan/	Polis Diraja Malaysia / Jabatan Siasatan Jenayah	Polis Diraja Malaysia / Jabatan Siasatan Jenayah
Agensi	-	-
No. Telefon	03-2601 7175	03-2601 7102
Emel	zainal@jkkp.gov.my	wongpooi@jkkp.gov.my
Tarikh	08/06/2022	08/06/2022
Laporan		

Pemerhatian Utama daripada Lawatan Sambil Belajar

-Sila rujuk lampiran

Sumber Kuasa Undang-undang berkaitan dengan *Child Victims and Witnesses in the Justice System* (jika ada)

-Sila rujuk lampiran

Sila beri rujukan kepada peruntukan undang-undang yang berkaitan. Dokumen lampiran juga digalakkan.

Garis Panduan Pelaksanaan Semasa berkaitan dengan Child Victims and Witnesses in the Justice System (jika ada, merujuk kepada Kementerian/ Jabatan/Agensi)

-Sila rujuk lampiran

Sila rujuk kepada garis panduan atau "standard operating procedures" yang berkaitan. Dokumen lampiran digalakkan.

Cabaran Pelaksanaan

-Sila rujuk lampiran

Cadangan Penambahbaikan

-Sila rujuk lampiran

Cadangan khusus untuk Jawatankuasa Pilihan Khas dan cadangan khusus untuk agensi anda.

Hal-hal Lain


-Tiada

Disediakan:



Nama: WONG POOI LIN) SUPT
Cop Rasmi: Penolong Pengarah D11
Siasatan Seksual Wanita & Kanak-Kanak
Jabatan Siasatan Jenayah
Bukit Aman

Disemak/ Disahkan:



Nama:
Cop Rasmi: 
(MOHAMAD ZAINAL BIN ABDULLAH) SAC
KETUA PENOLONG PENGARAH
BAHAGIAN PENDAKWAAN UNDANG-UNDANG (D5)
JABATAN SIASATAN JENAYAH
BUKIT AMAN

Mangsa Kanak-Kanak dan Saksi Dalam Sistem Keadilan

Child Victims and Witnesses in the Justice System

Lawatan Sambil Belajar ke United Kingdom untuk Jawatankuasa Pilihan Khas
Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Sosial 23-26 Mei 2022

(1) Pemerhatian Utama Daripada Lawatan Sambil Belajar

- 1.1. Sistem perlindungan kanak-kanak yang holistik di UK untuk mengenalpasti kanak-kanak yang berisiko dan berkemungkinan dcederakan dengan memberi bantuan dan perlindungan kepada kanak-kanak. Atas kerjasama pelbagai agensi (Exp. CEOP, NCA, NCMEC, IJM) termasuk agensi kerajaan/bukan kerajaan di dalam atau luar negara untuk mengambil tindakan mengesan, menyelamatkan, memberi perlindungan kepada kanak-kanak dan mencegah penderaan selanjutnya berlaku. Setiap agensi bertanggungjawab ke atas dasar dan undang-undang negara berkenaan pendidikan, kesihatan dan kebajikan sosial kanak-kanak yang menghadapi realiti dan cabaran pada masa hadapan.
- 1.2. Pihak penguatkuasa dan pelbagai agensi bekerjasama untuk menyediakan perkhidmatan bantuan awal sekiranya kanak-kanak dan keluarga mempunyai keperluan dan memastikan mereka akan mendapat manfaat daripada bantuan awal tersebut. Jika terdapat sebab munasabah untuk mengesyaki bahawa kanak-kanak itu menderita atau mungkin mengalami kemudaratan yang ketara, maka pihak polis akan menjalankan siasatan. Sekiranya ada keperluan, maka penilaian pakar selanjutnya untuk membantu pihak polis memutuskan tindakan selanjutnya yang perlu diambil.
- 1.3. Akta Keadilan Belia dan Keterangan Jenayah 1999 (*The Youth Justice and Criminal Evidence Act 1999 - YJCEA*) diperkenalkan di Negara UK bertujuan untuk membantu saksi kanak-kanak memberikan keterangan terbaik dalam prosiding jenayah. Ia akan menjadikan proses mahkamah kurang traumatik dengan mengadakan lawatan suai kenal di mahkamah, memberi keterangan melalui video-link. Ini bertujuan untuk mengurangkan tekanan dan perasaan trauma agar saksi kanak-kanak dapat memberikan keterangan dengan baik dan penuh keyakinan. YJCEA memastikan bantuan yang sepatutnya diberi kepada saksi kanak-kanak, termasuk juga saksi orang kurang upaya dari segi mental dan fizikal semasa memberi keterangan dalam prosiding jenayah .
- 1.4. Seksyen 28 YJCEA 1999 membolehkan rakaman video atas keterangan pemeriksaan utama (*examination-in chief*), pemeriksaan balas (*cross-examination*) dan juga pemeriksaan semula (*re-examination*) dalam prosiding jenayah. Keterangan ini kemudiannya dikemukakan sebagai bukti dalam perbicaraan untuk mengelakkan

mangsa dan saksi hadir sendiri di mahkamah. Seksyen ini terpakai kepada mangsa/saksi kanak-kanak kes jenayah, termasuk mana-mana saksi mengalami gangguan mental, kecacatan fizikal akan menyebabkan kualiti keterangannya berkurangan atau terjejas. Ia bukan sahaja dapat meminimumkan mangsa/saksi kanak-kanak dengan memberi keterangan terbaik, bahkan juga memastikan hak mereka terjamin untuk perbicaraan yang adil.

- 1.5. Merujuk peruntukan YJCLA 1999, penggunaan perantara Saksi (*Intermediaries For Justice*) adalah salah satu langkah khas yang disediakan untuk saksi kanak-kanak di bawah umur 18 tahun. Pegawai perantara saksi berdaftar dengan Kementerian Kehakiman setelah berjaya menamatkan latihan dan penilaian. Mereka memainkan peranan penting dengan menggunakan kepakaran, pengetahuan dan pengaruh untuk meningkatkan kesedaran tentang keperluan komunikasi mangsa / saksi yang berdepan konflik undang-undang. Pengantara saksi ialah profesional terlatih dengan kemahiran pakar dalam komunikasi. Pengantara saksi bertindak secara saksama dengan membantu berkomunikasi antara saksi dengan mahkamah, peguam dan polis. Program ini memperkenalkan penggunaan perantara saksi untuk membantu kanak-kanak termasuk orang dewasa yang berkeperluan dalam sistem keadilan jenayah. Seseorang saksi mungkin memerlukan bantuan Perantara Berdaftar disebabkan faktor umur, kelemahan pembelajaran, kecacatan atau gangguan mental atau fizikal. Dengan visi untuk membuka 'pintu yang boleh diakses' kepada keadilan; semua orang memahami soalan yang diajukan dan boleh memberitahu apa yang telah berlaku. Inisiatif ini membolehkan pegawai polis dan pendakwa raya mendapat bantuan dan sokongan profesional apabila diperlukan.
- 1.6. Kerajaan mewujudkan *Child Exploitation and Online Protection Centre (CEOP)* dan mengiktiraf keperluannya ke arah perlindungan kanak-kanak/golongan orang muda (sehingga umur 18 tahun) dalam era digital. Peranan CEOP adalah untuk menangani penderaan seksual dan eksploitasi kanak-kanak (CSA) dalam / luar talian. CEOP bekerjasama dengan rakan kongsi perlindungan kanak-kanak di seluruh UK dan luar negara untuk mengenalpasti ancaman utama kepada kanak-kanak dan menyelaras aktiviti menentang ancaman ini untuk membawa pesalah ke mahkamah.
- 1.7. Kerjasama antara pegawai penguatkuasa dengan pihak berkepentingan, institusi keselamatan siber, institusi pendidikan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), agensi kerajaan dan sektor swasta adalah mustahak bagi mencari kaedah terbaik dalam menangani jenayah CSA. Semua pihak harus memperkukuhkan kerjasama sedia ada dan mengenalpasti jurang yang ada untuk menambahbaikkan agendabagi menjaga keselamatan kanak-kanak serantau. Kerjasama ini akan mengeratkan lagi hubungan

agensi-agensi berkaitan dengan memberi pemahaman yang lebih mendalam. Selain daripada membangun dan mengekalkan perkongsian yang saling menguntungkan dengan pihak berkepentingan, ia juga dapat menjalankan inisiatif bersama dalam usaha memerangi jenayah CSA secara berkesan di rantau ini.

(2) Sumber kuasa Undang-Undang berkaitan dengan Child Victims and Witnesses in the Justice System (Jika ada)

- 2.1. Akta Polis 1967 (Akta 344)
- 2.2. Kanun Keseksaan (Akta 574)
- 2.3. Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593)
- 2.4. Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611)
- 2.5. Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521)
- 2.6. Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792)
- 2.7. Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670)
- 2.8. Akta Mahkamah Juvana 1947 (Akta 90)
- 2.9. Akta Keterangan 1950 (Akta 56)
- 2.10. Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007(Akta 676)
- 2.11. Akta Bantuan Guaman 1971 (Akta 26)
- 2.12. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588)
- 2.13. Hukuman Tetap Ketua Polis Negara (HTKPN)
- 2.14. Arahan-Arahan Ketua Polis Negara/Timbangan ketua Polis Negara/Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah
- 2.15. Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Kanak-kanak atau Convention on Right of Children (CRC) United Nation

(3) Garis Panduan Pelaksanaan Semasa berkaitan dengan Child Victims and Witnesses in the Justice System (jika ada, merujuk kepada kementerian/Jabatan/Agensi)

- 3.1. Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) yang telah berkuat kuasa pada 10 Julai 2017 serta penubuhan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak pada 22 Jun 2017. Justeru, Garis Panduan Khas yang terpakai kepada semua pihak dalam pengendalian kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak telah digubal bagi memastikan matlamat serta tujuan Akta 792 dapat dicapai dengan lebih berkesan. Objektif Garis Panduan Khas ini dapat membantu mangsa/saksi Kanak-Kanak dan keluarga mereka secara khasnya serta orang awam secara amnya bermula dari peringkat aduan sehingga kes selesai dibicarakan.
- 3.2. Garis Panduan Khas ini terbahagi kepada 4 tajuk utama yang berikut:
 - 3.2.1 Tajuk 1: Penerimaan Laporan dan Siasatan.

Tajuk ini menerangkan dan memberi panduan kepada agensi yang terlibat berkaitan dengan kes kesalahan seksual terhadap Kanak-Kanak pada peringkat awal iaitu membuat dan menerima laporan serta menjalankan siasatan.
 - 3.2.2. Tajuk 2: Perbicaraan
Tajuk ini ialah mengenai tatacara pengendalian kes di Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak yang merangkumi keseluruhan proses mulai kes didaftar di Mahkamah sehingga kes tersebut selesai termasuk ciri-ciri khas dalam pengendalian saksi Kanak-Kanak bagi kes kesalahan seksual di Mahkamah semasa perbicaraan.
 - 3.3.3. Tajuk 3: Pengendalian Mangsa/Saksi Kanak-Kanak
Tajuk ini membincangkan mengenai pengendalian mangsa/saksi Kanak-Kanak di Mahkamah. Memandangkan mangsa/saksi Kanak-Kanak akan berhadapan dengan pelbagai pihak seperti Mahkamah, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Timbalan Pendakwa Raya, Peguam, Jabatan Bantuan Guaman, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Badan Bukan Kerajaan dan sebagainya selain pelaku sendiri, maka tajuk ini akan membincangkan dengan teliti bagaimana pihak-pihak tersebut mengendalikan mangsa/saksi Kanak-Kanak dari peringkat pra bicara sehingga hari perbicaraan mengikut peranan/tanggungjawab masing-masing.
 - 3.3.4. Tajuk 4: Khidmat Perlindungan dan Sokongan
Tajuk ini membincangkan mengenai khidmat perlindungan dan sokongan yang boleh diberikan oleh agensi-agensi yang terbabit dalam membantu mangsa/saksi

Kanak-Kanak. Khidmat ini akan diberikan sejurus selepas aduan diterima sehingga selesai perbicaraan.

Nota : Sesalinan Garis Panduan Khas Untuk Mengendalikan Kes Kesalahan Seksual

(4) Cabaran Pelaksanaan

- 4.1. Berikutan kompleksiti modus operandi jenayah eksploitasi seksual terhadap kanak-kanak di media sosia, pihak polis menemui kesukaran bagi memperolehi keterangan/bukti digital dengan menggunakan peralatan sedia ada tidak seiring dengan perkembangan inovasi teknologi dan trend jenayah semasa. Selain itu ada keperluan perkongsian pengalaman dan pengetahuan melalui jalinan kerjasama berterusan pelbagai agensi dari dalam dan luar negara bagi penyiasatan kes jenayah rentas sempadan seperti eksploitasi seksual dalam talian. Kemahiran dan kepakaran teknikal yang khusus amat diperlukan bagi pengumpulan keterangan digital kerana keterangan digital mudah hilang dan tercemar. Tambah lagi penggunaan teknologi simpanan data di server yang berpangkalan di luar negara menyumbang kepada kompleksiti dalam mengakses maklumat kerana ia melibatkan proses kerja yang panjang disebabkan keperluan kerjasama pelbagai agensi dari dalam dan luar negara serta kepelbagaian kepakaran.
- 4.2. Tugas risikan di internet terutamanya dark web lebih sukar berbanding tugas risikan secara tradisional, maka perlu menjalinkan kolaborasi dengan pelbagai agensi penguatkuasaan undang-undang antarabangsa seperti Federal Bureau of Investigation (FBI), Australia Federal Police (AFP), National Crimes Agency (NCA) dan lain-lain yang mempunyai kepakaran dalam membantu tugas risikan ini.
- 4.3. Keterangan mangsa dan saksi-saksi yang kukuh adalah penting bagi mengoptimumkan pendakwaan ke atas pelaku jenayah. Cabaran utama dalam proses merakam keterangan mangsa / saksi kanak-kanak disebabkan keupayaan mental dan fizikal seseorang kanak-kanak terbatas kerana faktor usia untuk memahami apa yang berlaku dan memberi respon balas dalam membantu siasatan. Walaupun pasukan PDRM telah menggunakan pendekatan yang khusus bagi merakam keterangan mangsa / saksi kanak-kanak dan orang kurang upaya dengan melalui kaedah rakaman video yang seiring dengan peruntukan undang-undang di bawah Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007. Walau bagaimanapun, sebelum rakaman dibuat beberapa proses awal perlu dilakukan oleh pegawai terlatih yang mempunyai kepakaran dalam bidang psikologi kanak-kanak. Proses kerja rakaman ini mengambil masa yang lama dengan membina rapport dan memastikan mangsa / saksi dalam keadaan emosi yang stabil dan bersedia untuk memberi keterangan. Proses rakaman juga melibatkan beberapa pegawai yang mempunyai peranan dan tanggungjawab khusus iaitu pegawai perakam, pegawai temubual, pegawai psikologi dan jurubahasa jika perlu. Sebaik selesai rakaman pegawai perakam perlu menyediakan transkrip temubual yang dirakam dalam bahasa asal yang digunakan oleh saksi. Pegawai perakam dan pegawai temubual ini perlu menghadiri latihan

khusus dalam mengendalikan rakaman saksi kanak-kanak. Namun disebabkan kekangan perjawatan, pegawai terlatih ini terpaksa bertukar keluar daripada bahagian ini apabila terlibat dengan kenaikan pangkat atau pertukaran atas sebab-sebab tertentu. Oleh itu, kepakaran mereka tidak dapat dikekalkan untuk pengoperasian rakaman keterangan kanak-kanak dan amat merugikan pasukan kerana perlu melibatkan kos bagi melahirkan pegawai pengganti.

- 4.4. Pegawai Penyiasat bersifat '*multi-tasking*' dalam mengurus dan menangani kes-kes jenayah penderaan dan seksual terhadap wanita dan kanak-kanak. Selain daripada siasatan, pegawai polis juga perlu menyediakan program pencegahan jenayah seksual terhadap kanak-kanak dan program pendidikan kepada orang ramai melalui kempen kesedaran di peringkat sekolah, sektor awam, industri, institusi pengajian tinggi dan komuniti. Selain itu dengan bantuan pegawai kaunseling, pegawai polis juga perlu memberi sokongan emosi dan sokongan psikologi kepada mangsa traumatik, pertolongan cemas psikologi dan lain-lain sekiranya perlu semasa siasatan dijalankan.

(5) Cadangan Penambahbaikan

- 5.1. Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi mewujudkan dunia tanpa sempadan dalam komunikasi dan perhubungan. Bagi memperkasa kapasiti dan keupayaan penguatkuasaan undang-undang bagi menangani jenayah terhadap kanak-kanak dalam talian, penggunaan sistem berteknologi tinggi seiring dengan peredaran zaman termasuklah memberi latihan berterusan untuk melahirkan pegawai polis yang cekap dan berintegriti bukan sahaja meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepolisan kepada masyarakat mahupun dapat mengharumkan nama pasukan PDRM.
- 5.2. Merujuk peruntukan undang-undang yang sedia ada di Malaysia, Undang-undang secara umumnya mengiktiraf kemampuan dan kredibiliti kanak-kanak memberikan keterangan dalam perbicaraan di mahkamah. Namun demikian, disebabkan faktor umur dan ketidakmatangan, kanak-kanak selalu berhadapan dengan pelbagai kesukaran dalam memberikan keterangan semasa perbicaraan sekali gus berkemungkinan menjejaskan sama ada kredibiliti ataupun nilai keterangan mereka dari sudut perundangan. Kaedah rakaman video yang digunakan sebagai keterangan pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan juga pemeriksaan semula dalam prosiding mahkamah di bawah **Seksyen 28 YJCEA 1999** merupakan prosedur terbaik dan perlu dicontohi. Ia bukan sahaja dapat mengurangkan trauma saksi kanak-kanak bahkan juga dapat memoptimumkan pendakwaan dengan tanpa kehadiran saksi kanak-kanak

di mahkamah sepanjang prosiding perbicaraan sehingga keputusan penghakiman dibuat seiring dengan seksyen 17 dan 18 AKSTK 2017 dimana keterangan kanak-kanak adalah kompeten dan tanpa keterangan sokongan.

- 5.3. Merujuk Barisan depan Pasukan PDRM masih belum ada satu pendekatan yang konsisten dalam pengurusan mangsa atau saksi kanak-kanak dalam semua kes jenayah terutamanya kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Selain daripada mengenalpasti sensitiviti masyarakat berbilang kaum dan kepelbagaian budaya berdasarkan etnik, jantina, tahap pendidikan, barisan depan PDRM adalah perlu menyedari bahawa setiap mangsa adalah individu yang mempunyai keperluan dan kelemahan yang berbeza. Pusat Latihan Kepolisian PDRM perlu menyenaraikan dalam jadual pembelajaran atau dalam kurikulum latihan Polis bagi membangunkan kesedaran berhubung dengan pengurusan mangsa dan saksi kanak-kanak dalam kes jenayah agar mengurangkan perasaan trauma dan tekanan apabila temubual oleh polis.
- 5.4. Trend jenayah melibatkan internet, media sosial dan aplikasi digital menunjukkan ancaman jenayah yang kian berkembang dan memberi impak yang besar ke atas masyarakat dunia terutama kanak-kanak dan wanita. Bagi menangani jenayah penderaan dan eksploitasi seksual dalam talian, PDRM perlu menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan, termasuk NGO yang berkaitan untuk membangun pelan tindakan dan mekanisme untuk menambak SOP dan prosedur yang sedia ada bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak di Malaysia. Pasukan PDRM dipertanggungjawab untuk berkoordinasi di antara pihak penguatkuasa, agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk memastikan mangsa kesalahan seksual kanak-kanak mendapat keadilan dan perlindungan yang sewajarnya.
- 5.5. Berbanding jenis jenayah lain, jenayah seksual terhadap Kanak-Kanak adalah bentuk kekejaman yang paling teruk kerana ia boleh memberi pelbagai kesan jangka pendek dan jangka panjang kepada seorang Kanak-Kanak. Ini merupakan suatu masalah atau isu masyarakat yang perlu ditangani secara holistik dan serius kerana kegagalan menanganinya maka hancurlah masa hadapan negara ini. Maka adalah perlu perkhidmatan seseorang Perantara Berdaftar Saksi (Intermediaries For Justice) berkepakaran dan berpengetahuan bagi membantu berkomunikasi antara saksi kanak-kanak dengan mahkamah, peguam dan polis. Langkah-langkah ini menjadi amalan baik berkaitan bekerja dengan kanak-kanak yang berdepan konflik undang-undang serta menambah baik pengalaman mangsa dan saksi kanak-kanak dalam proses keadilan jenayah.

- 5.6. Walaupun agensi penguatkuasaan undang-undang di Malaysia mempunyai kepakaran sendiri dalam bidang siasatan, risikan dan operasi pencegahan, namun dengan ditubuhkan agensi penguatkuasaan undang-undang lain (contohnya : NCA di United Kingdom, FBI di United State) agar seiring dengan negara lain dalam membendung jenayah seksual khususnya kepada golongan rentan wanita dan kanak-kanak. Ia boleh membangunkan dan menyampaikan keupayaan pakar bagi pihak penguatkuasa undang-undang untuk menjangka dan menangani secara berkesan ancaman dan trend yang muncul. Dengan memperluaskan kerjasama ini pihak polis dapat menyelamatkan beribu-ribu kanak-kanak dan orang muda bagi memastikan mereka selamat daripada penderaan dan eksploitasi seksual dalam talian.

6. Hal-Hal Lain.

-Tiada-



**PENGERUSI JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
HAL EHWAL WANITA DAN KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PENERANG**

Pejabat Jawatankuasa Pilihan Khas
Jalan Parlimen
50680 KUALA LUMPUR

Telefon : 03- 2601 7175 / 03-2601 7102
Faks : 03- 2601 7161
e-mel : jkpk.dr@parlimen.gov.my

Mangsa Kanak-Kanak dan Saksi Dalam Sistem Keadilan *Child Victims and Witnesses in the Justice System*

Lawatan Sambil Belajar ke United Kingdom untuk Jawatankuasa Pilihan Khas
Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Sosial 23-26 Mei 2022

Laporan Ringkas

Nama	Elsie Primus
Jawatan	Sessions Court Judge Sessions Court Kota Kinabalu Sabah
Kementerian/ Jabatan/ Agensi	Judiciary
No. Telefon	0882683005
Emel	elsieprimus@jkkk.gov.my
Tarikh Laporan	08.06.2022

Pemerhatian Utama daripada Lawatan Sambil Belajar

1. The use of pre-recorded evidence on children will ensure that the child witness does not have to narrate the incident repeatedly to the relevant agencies such as police, social workers and to the court. It minimises delay and preserve the best evidence of the child. Even if the case is ordered for a retrial by the appellant court for whatever reasons, the evidence does not need to be repeated.
2. Pre-trial recordings are conducted away from the court building.
3. An Intermediary in UK must be a certified / licensed intermediary as compared to an intermediary in Malaysia.
4. All witnesses under the age of 18 at the time of the hearing or video recording are eligible for special measures in UK Court as compared to child victim in Malaysia where special procedural protections is only available to children under the age of 16 as provided for under the Evidence of Child Witnesses Act 2007.

5. Corroboration of the evidence of a witness under the age 16 years is no longer required whereas corroboration of the evidence of a witness under 16 years is required in a non-sexual case in Malaysia.
6. Cross-examination of a witness, and any re-examination, to be recorded by means of a video recording. This is not available in Malaysia.
7. Visit to the Lighthouse is the highlight of my study visit to UK. Lighthouse is a multi- agency support centre for children and young people who are abused or who have experienced any form of exploitation. They are given support from the start, including medical inspection and advocacy. Therapeutic supports are also given to parents of these children and young people.

